

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. Ks ..... 76 A2  
No Perolchan: ..... 70379  
Tarikh: ..... 12/76

INTEGRASI DAN ASSIMILASI DIKALANGAN MASYARAKAT  
INDIA MUSLIM DI KAMPUNG SUNGAI PINANG,  
PULAU PINANG.

Latihan Ilmiah  
bagi memenuhi sebahagian  
daripada syarat-syarat untuk:  
Ijazah Sarjana Muda Sastera  
dalam Antropologi dan Sosiologi

oleh:

No. Matrik: 24582

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

November 1976

PERPUSTAKAAN  
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Dewadika mengucapkan terima kasih yang tidak terlupakan kepada

Buah hati yang selalu memberikan bantuan bahan dalam

Ayah dan ibu yang diberihi,

Yang sentiasa menloaskan kejayaanku.

Juga,

Semua kakak dan adik-adikku,

Yang sentiasa menggembirakan hidupku,

dan \*\*\*\*

Untuk teman kesayanganku; Iy

Yang sentiasa menyintasi diriku dan polajwanku.

Dewadika juga mengucapkan terima kasih yang tidak terlupakan

kepada Prof. Dr. M. S. Mahomed yang telah memberikan

kesempatan untuk pertama kali mewujudkan di Universiti Malaya

yang memiliki banyak makalah dan buku-buku yang tidak terlupakan

seperti buku-buku teknik dan teknologi. Dewadika juga mengucapkan

terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak terlupakan.

Kolej Keperat,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

November, 1976.

Dewadika mengucapkan terima kasih yang tidak terlupakan

kepada ahli keluarga yang tidak terlupakan yang tidak

memiliki makalah teknik dan teknologi.

Dewadika mengucapkan terima kasih yang tidak terlupakan

kepada ahli keluarga yang tidak terlupakan yang tidak

memiliki makalah teknik dan teknologi.

November 1976.

PERPUSTAKAAN  
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

### PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terimakasih yang tidak terhingga kepada Encik Tan Keng Sooi, selaku penyelia, diatas kesulitan beliau dalam mengawasi penyelidikan dan penulisan latihan ilmiah ini. Terimakasih juga ditujukan kepada Saudara Shamsul Amri dan Dr. R. Rabeendran yang secara tidak langsung turut membantu penulis dalam penulisan ini.

Tidak ketinggalan juga penulis mengucapkan jutaan terimakasih kepada Tuan Saaid Jaafar selaku pengurus Jawatankuasa Kampung Sungai Pinang, yang telah banyak menyumbangkan idea-idea beliau nengenai latarbelakang dan perkembangan politik serta pentaliburan di Kampung ini. Dan, penulis ingin merakamkan rasa terimakasih yang tidak terhingga kepada keluarga Kakak Siti Hajar binti Said Ahmed yang telah banyak menolong penulis ketika kajian ini dilakukan.

Akhir sekali, penulis tidak lupa juga mengucapkan jutaan terimakasih kepada semua penduduk Kampung Sungai Pinang yang telah suci melapangkan mata, bekerjasama membantu penulis ketika nenesui mereka untuk ditemuduga dan sebagainya. Juga kepada semua teman-teman yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, yang telah suci menyumbangkan idea-idea mereka kepada penulis.

Akhirnya, terimakasih juga Kakak Shamsiah diatas kesudian beliau menaip latihan ilmiah ini dari awal hingga akhirnya.

Kolej Keempat,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur,

November 1976.

## KANDUNGAN

Penghargaan

Mukasurat

### BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1 Bidang Kajian	1
1.2 Tujuan Kajian	3
1.3 Tempat dan waktu kajian	4
1.4 Hipotesis-hipotesis	6
1.5 Kaedah-kaedah kajian	8
1.6 Masalah dan batasan kajian	10

### BAB 2 - KONSEP DAN TEORI

2.1 Definasi Integrasi	13
2.2 Definasi Assimilasi	19
2.3 Definasi Marginal Ethnic Group	24
2.4 Technique Du Corps oleh Marcel Mauss	27
2.5 Konsep Melayu	29

### BAB 3 -- LATARBELAKANG MASYARAKAT INDIA MUSLIM

3.1 Sejarah	34
3.2 Penempatan	41
3.3 Demografi	45
3.4 Politik dan Pentadbiran	50
3.5 Ekonomi	55

BAB 4 - ANALISA TENTANG UNSUR-UNSUR BUDAYA

INDIA MUSLIM

4.1	Bahasa dan Pendidikan	63
4.2	Kepercayaan, Ucama dan Perayaan-Perayaan Penting	69
4.3	Adat resam	72
4.3.1	Perkahwinan	73
4.3.2	Kelahiran	76
4.3.3	Kematian	76
4.3.4	Pakaian	77
4.3.5	Makanan	79

BAB 5 - PENUTUP

5.1	Sejauhmana assimilasi-integrasi itu telah dicapai	83
5.2	Unsur-unsur disintegrasi	89
5.3	Kaitan dengan konsep dan teori	90
5.4	Rumusan hipotesis	91

Appendix "A"

Appendix "B"

Daftar Bibliografi

Peta Kawasan Kampung Sungai Pinang

5

## SINARAI JADUAL

<u>Jadual</u>	<u>Mukasurat</u>
1 Susunan jumlah kemasukan orang-orang India ke Tanah Melayu, (1786 - 1957)	35
2 Bilangan penduduk Sungai Pinang mengikut bangsa	46
3 Penduduk Pulau Pinang (1970 - 1980)	46
4 Penyukuk India Muslim di Malaysia Barat (1970)	47
5 Memerlihatkan jumlah keanggotaan dalam parti tertentu di tempat kajian	52
6 Penglibatan Wanita di dalam Pergerakan Wanita UMNO Kampung Sungai Pinang	54
7 Aktiviti ekonomi orang-orang India Muslim di tempat kajian	55
8 Kadar perbelanjaan sebuah keluarga yang sederhana selama sebulan	60
9 Pendidikan anak-anak "India Muslim" di tempat kajian	67

bentuknya memiliki ciri-ciri tertentu dalam suatu kelompok etnik.

## BAB 1

ini telah merujuk pada kajian tentang beberapa kelompok kaum

### PENDAHULUAN

pembentukan sebuah negara yang mengandung kesatuan.

Terdiri dari dua golongan etnik utama dan beberapa minoriti yang telah menetap sejak berdirinya negara ini.

#### 1.1 Bidang Kajian

Malaysia sebenarnya merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa dimana latarbelakang agama dan kebudayaan mereka berlainan sama sekali. Terdapat tiga golongan etnik utama di negara ini: Melayu, China dan India, yang sentiasa berinteraksi dalam aspek-aspek politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan demi menjamin "kestabilan politik" dan "kesatuan kebangsaan" negara ini. Namun begitu, haruslah diteliti bahawa sebenarnya terdapat kumpulan etnik lain selain dari tiga kumpulan etnik utama tadi. Kumpulan yang lain ini merupakan golongan minoriti yang terdiri dari orang-orang keturunan Sri Langka, Pakistan, Timur Tengah, Indonesia, Brunei; juga orang-orang Kadazan, Bajau, Iban dari Sabah dan Sarawak, yang tidak kurang juga peranan mereka sebagai penduduk di negara ini.

Jadi, pada keseluruhannya, kependudukan di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori utama :-

- a. Major ethnic groups : Melayu, China dan India; dan
- b. Minor ethnic groups : Kadazan, Iban, keturunan Pakistan, dan beberapa yang lain.

Namun, jika diteliti lebih mendalam komposisi kependudukan di Malaysia, kita akan dapati satu lagi kategori, yang dari berbagai segi berbeza daripada major dan minor ethnic groups tetapi menyerupai kedua-dua kategori tadi dalam satu atau dua aspek. Kategori etnik ini dalam

konteks sosiologi dikenal sebagai marginal ethnic group.<sup>(1)</sup> Golongan ini lebih merupakan satu kelompok "knockan" beberapa kumpulan kaum pendatang dengan etnik Melayu yang dominant. Ini berlaku melalui proses assimilasi<sup>(2)</sup> dan integrasi<sup>(3)</sup> yang telah memakan masa beberapa kurun. Komuniti-komuniti kecil seperti orang Chitty Melaka, Baba Melaka, China Yunnan Trengganu adalah merupakan golongan yang boleh diklasifikasikan sebagai marginal ethnic group ini.

Terdapat dua kategori kecil marginal ethnic group di Malaysia iaitu Malay Marginal ethnic dan Non-Malay Marginal ethnic. Contoh bagi Malay Marginal ethnic ialah pendatang-pendatang bangsa Jawa ataupun lain-lain penduduk Melayu di Kepulauan Indonesia. Manakala contoh bagi Non-Malay Marginal ethnic ialah orang-orang bukan Melayu seperti China, India dan Arab yang telah diresapi dengan nilai-nilai sesei-budaya orang Melayu.

Bersesuaian dengan keadaan inilah maka penulis cuba meletakkan bidang kajiannya keatas sejauhmanakah Non-Malay Marginal ethnic ini telah menerima idea-idea integrasi dan assimilasi di dalam sesei-budaya mereka. Bidang kajian penulis adalah tertumpu pada masyarakat "India Muslim" bertempat di Kampung Sungai Pinang, Pulau Pinang dimana majoriti dari marginal ethnic ini memangnya berasal di situ.

Perlu ditegaskan di sini bahawa, "India Muslim" ini berbesa

(1) dan (2) Akan diuraikan definisinya dalam Bab 2 kelak

(3) Akan diberi definisinya dalam Bab 2 kelak.

dengan "masyarakat India Chitty Melaka" atau "Peranakan Hindu Melaka", walaupun mereka sama-sama berasal dari India dan tergolong dalam Non-Malay Marginal Ethnic. Besanya ialah; bagi "India Muslim", mereka telah menerima corak hidup Melayu dan berugama Islam; sedangkan "Peranakan Hindu Melaka", walaupun mereka telah diresapi dengan socio-budaya Melayu; tetapi masih tetap mengamalkan Ugama Hindu.

### 1.2 Tujuan Kajian

Penulisan tentang masyarakat "India Muslim" masih kurang sekali; terutamanya tentang sejauhmanakah masyarakat ini telah berintegrasi dan berassimilasi kedalam masyarakat Melayu. Jadi, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk meneliti dan mengkaji tentang pola-pola kehidupan dan kebudayaan "India Muslim"; yang meliputi aspek-aspek asal-usul, cara hidup, organisasi social, ugama dan pandangan hidup mereka serta peranan pemerintah.

Walaupun pernah terdapat kajian yang sama mengenai "India Muslim" oleh penulis -penulis lain,<sup>(4)</sup> namun mereka hanya menumpukan aspek-aspek asal-usul sejarah dan socio-budaya masyarakat ini. Sebal integrasi dan assimilasi masih belum lagi disentuh oleh mana-mana penulis, maka itulah penulis melakukan kajian ini semoga dapat difahami masalah-masalah an yang sedang dihadapi oleh masyarakat ini, untuk berintegrasi dan berassimilasi. Dari ini; diharapkan, agar pihak pemerintah dapat memberikan perhatian yang seujarnya demi kebaikan mereka.

(4) Tesis Rahim Dosa - Kajian Politik dalam budaya Orang-Orang India Muslim (Namak) di Kampung Melayu, Pulau Pinang, B.A.Thesis, Universiti Malaya, K.L. 1974/75.

Thesis Aminuddin Abu Bakar - Suatu Penyiasatan Socio-Ekonomi mengenai orang-orang India Muslim di Kuala Lumpur, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, 1974.

Selain dari itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk membuktikan sejauhmanakah faktor ugama dapat memainkan peranannya di dalam usaha-usaha integrasi "India Muslim" ini.


Dalam proses assimilasi dan integrasi tadi, sudah senantinya akan timbul masalah-masalah pelaksanaannya. Oleh itu, penulis akan cuba menunjukkan had-had yang mungkin uju ketika proses-proses ini dilakukan. Dan, apakah had-had tertentu yang dikesani ini mungkin timbul dari masyarakat ini sendiri seperti takut hilang "identiti bangsa" atau demi mempertahankan prestige bangsa ataupun had-had dari masyarakat luar, manakala, seterusnya; penulis bertujuan untuk menyingkap kiranya ada halangan-halangan didalam menyempurnakan assimilasi kedalam cara sosio-budaya Melayu yang dominant.


### 1.3 Tempat dan Makaht Kajian

Kajian ini dilakukan di sebuah perkampungan di pinggiran bandaraya Georgetown yang bernama Kampung Sungai Pinang. Tetapi, kawasan yang menjadi tumpuan utama penulis, adalah disekitar sebuah jalan utama dipanggil Jalan Maqbul (lihat lampiran peta yang disertakan).

Penulis memilih kawasan ini sebagai tempat kajian, kerana di sini majoriti penduduknya terdiri dari masyarakat "India Muslim". Malah dianggurkan dari sejumlah 6,000 penduduk Kampung Sungai Pinang ini, 2,500 orang adalah dari "India Muslim". Manakala 2,000 orang dari bangsa China, 500 untuk Melayu dan 1,000 untuk lain-lain bangsa. Dan; di Jalan Maqbul sahaja, majoriti dari penduduknya adalah dari "India Muslim" dan "orang Melayu".

# PERKAMPONGAN SUNGAI PINANG



PETUNJUK:- SEKIL = 0  1 batu.



= KAWASAN PERUMAHAN.



= JALAN RAYA.



= JAMBATAN.



= SUNGAI



= MASJID

Kajian ini dibuat ketika cuti panjang sessi 1975/76 iaitu diantara bulan Mac hingga April, selama lebih kurang tiga minggu. Namakala untuk demographic data telah dibuat pada cuti penggal pertama, sessi 1976/77 yang lalu.

#### 1.4 Hipotesis-hipotesis

Dalam kajian-kajian yang berlandaskan konsep assimilasi dan integrasi, perlu sekali dibuat beberapa hipotesis-hipotesis mengenai kedua-dua konsep ini. Hipotesis ini lahir dari beberapa aspek kehidupan dan perbandingan yang dilihat oleh penulis semasa kajian itu dilakukan. Penilaian kertas hipotesis ini akan dijelaskan semasa rancangan dan penutup kelak (dalam Bab 5).

Miantara hipotesis-hipotesis itu adalah :-

1. "Kebudayaan material" adalah lebih mudah untuk berassimilasi jika dibandingkan dengan "kebudayaan yang bukan material". Namakala manifestasi assimilasi yang bukan material itu boleh terjelma didalam beberapa aspek kebudayaan yang material. Budaya material ini dirujuk kepada aktiviti sosio-budaya yang nampak; seperti adat perkahwinan, upacara perayaan dan lain-lain; sementara budaya bukan material seperti idea-idea mengenai ugama dan pandangan-pandangan hidup.
2. Faktor yang menyebabkan integrasi dalam sesebuah masyarakat, bukanlah perbezaan kumpulan ethnik, tetapi adalah persamaan faham politik, peluang-peluang ekonomi yang sama, status sosial yang seimbang dan proses sosialisasi yang sama. Sesuatu bangsa

itu akan cepat mengintegrasikan socio-budaya mereka kepada bangsa yang lain; sekiranya diantara mereka ini terdapat ciri-ciri kesamaan. Contohnya, bangsa China Yunnan Trengganu mudah integrasi kedalam budaya Melayu kerana pekerjaan yang sama iaitu bertani.

3. Ugama merupakan faktor yang paling bertanggungjawab sekali didalam mengintegrasikan dan assimilasi orang-orang yang bukan Melayu kedalam kehidupan cara Melayu. Ini jelas dapat dilihat bagi masyarakat India Muslim yang mana keseluruhan dari ciri-ciri socio-budaya mereka sama dengan orang Melayu kerana Islam menjamin integrasi itu terus berlaku dengan mudah.

4. Didalam sebuah masyarakat yang golongan pendatangnya merupakan minoriti, kemungkinan untuk ujulnya integrasi dan assimilasi dengan penduduk tempatan adalah besar. Kedua-dua ini sesuai sekali kerana selalunya golongan pendatang itu sentiasa berusaha untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat tempatan. Ini dibuat supaya kedatangan mereka itu diterima baik dan justru itu penempatan mereka kelak akan dialu-alukan oleh penduduk tempatan.

5. Konsep "masuk Melayu" dan "masuk Islam" mempunyai pengertian yang berbeza dalam proses integrasi dan assimilasi; terutama bagi masyarakat "India Muslim" ini. Ini merujuk kepada artikel Charles F. Gallagher bahawa: "masuk Melayu" itu tidak senestinya yang orang itu telah "masuk Islam"; dan begitu juga sebaliknya. Contohnya, orang India Chitty Naleka

yang sepenuhnya telah integrasi kedalam sosio-budaya Melayu tetapi masih teguh dengan ugama Hindu.

#### 1.5 Kaedah-kaedah Kajian

##### Kaedah kajian

Kaedah kajian dapat dibahagikan kepada dua bahagian:- iaitu yang pertama ialah bentuk Research Design dan kepentingannya. Manakala bahagian kedua pula, ialah cara-cara pengutipan data; serta kebaikan dan keburukan dari metod-metod yang digunakan itu.

Dari segi research design, kajian ini lebih merupakan "kajian kes" dimana penulis mengkaji satu masyarakat tertentu iaitu "India Muslim" di tempat yang tertentu iaitu; "Kampung Sungai Pinang" dengan tajuk tertentu iaitu "proses integrasi assimilasi masyarakat "India Muslim" kedalam aspek kehidupan orang Melayu". Manakala bentuk kaedah keseluruhan-nya adalah "kualitatif" dan bukan "kuantitatif". Untuk membuktikan sejauhmana masyarakat "India Muslim" ini telah berassimilasi dan berintegrasi maka comparative method telah digunakan; dimana perbandingan utama adalah dengan masyarakat Melayu ditempat yang sama.

Untuk memperlihatkan corak kehidupan masyarakat ini secara reliable dan validity, penulis menggunakan metod participant observation. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang paling berkesan sekali disepanjang kajian penulis. Penulis bukan sahaja dapat menungkil fakta-fakta mengenai kehidupan masyarakat ini melalui perbualan-perbualan, malah dapat bergiat sama didalam aktiviti-aktiviti sehari-hari mereka.

Beliau dari kaedah participant observation, terdapat tiga

kaedah lain yang tidak kurang pentingnya dalam usaha penulis mengumpul data-data untuk kajian ini. Kaedah-kaedah itu ialah:-

- i. sealselidik (questionnaire)
- ii. temuduga (interview)
- iii. schedule

Kaedah "sealselidik" ini khusus dilakukan untuk bahagian Demographic. Data dimana soalan-soalan yang telah disiapkan itu dibawa kepada responden untuk diisi oleh mereka sendiri. Questionnaire yang disediakan itu adalah "secara tertutup" atau "fixed-alternative" dimana jawapannya telah disediakan; responden hanya perlu menanda mana-mana jawapan yang berkenaan dengan dirinya sahaja. Masa yang dipilih untuk questionnaires ini tidak terbatas, malah masa dan hari-harinya adalah bebas menurut keadaan yang difikirkan sesuai oleh penulis sendiri.

Kaedah questionnaire ini dipilih kerana ianya adalah senang dikendali, memudahkan penganalisaan, jawapan yang relevancy (kerana ia berbentuk "close-ended") serta standardisable kerana penulis tidak turut serta ketika jawapan itu dibuat; justru itu responden bebas memilih jawapan mereka tanpa syak wasangka atau segan-segan.

Seterusnya, untuk kaedah yang ketiga pula ialah "temuduga" dimana penulis telahpun menyediakan interview guide yang mengandungi suatu senarai tajuk-tajuk atau perkara-perkara yang harus dibincangkan semasa temuduga itu dijalankan. Soalan-soalan "temuduga" ini bercorak "terbuka" dan tidak tersusun (unstructured). Kaedah ini membenarkan responden bebas untuk menyatakan pandangan mereka terhadap apa yang dibincangkan dan tugas penulis hanyalah sebagai "pemandu" supaya perbincangan itu "tidak menyeronokkan" bukan sahaja berkesempatan menggunakan dialek dialek ini.

"leweng" dari tajuk yang sebenarnya.

Kaedah schedule juga digunakan, dan ianya seakan-akan sama dengan kaedah "temuuga" dimana didalam schedule adalah lebih informal. Responden bebas menyuarakan pandangan mereka tanpa landasan-landasan tertentu. Kaedah ini lebih banyak digunakan oleh penulis, kerana ianya dapat menjamin ketepatan dan menjimatkan masa, serta dapat memberi peluang kepada responden untuk memberi penerangan terhadap jawapan-jawapan yang diberikannya itu.

Dan, kaedah yang terakhir sekali digunakan oleh penulis ialah library research. Kaedah ini penting sekali didalam mendapatkan keterangan-keterangan serta pendapat dari lain-lain penulis mengenai aspek-aspek sejarah, asal-usul serta proses kedatangan orang-orang "India Muslim" ini. Kaedah ini juga digunakan dalam memberi definisi tentang beberapa konsep-konsep tertentu yang akan dikemukakan dalam Bab II kelak.

#### 1.6 Masalah dan Batasan Kajian

Penulis juga mengalami banyak masalah yang telah membataskan pelaksaan kajian penulis terhadap masyarakat "India Muslim" ini. Masalah yang dihadapi oleh penulis adalah berpunca dari dua sudut iaitu "dalaman" dan "luaran". "Dalaman" bilamana masalah itu berpunca dari diri penulis sendiri dan "luaran" bilamana masalah itu berpunca dari pihak objek yang dikaji dan lain-lain faktor seperti kewangan, responden, kesuntukan masa dan juga kaedah kajian itu sendiri.

Masalah yang utama sekali bagi penulis ialah kesuntukan masa, kerana penulis hanya berkesempatan mengumpulkan data-data kajian ini

dalam tempoh empat minggu itu sahaja. Ini adalah kerana penulis ketika itu sedang menghadapi masalah kesihatan dan kewangan. Masa yang singkat ini telah hanya membataskan kajian ini setakat yang dikehendaki sahaja. Masa yang singkat ini juga menyebabkan penulis tidak berpeluang untuk mengikuti atau menyaksikan upacara-upacara perayaan tertentu didalam masyarakat ini seperti perkahwinan, perayaan ugguna dan lain-lain. Data-data mengenai hal ini adalah berlandaskan dari apa yang diceritakan oleh mereka sendiri.

Nasalah masa ini juga telah membataskan penulis untuk mengkaji lebih ramai lagi responden. Ini adalah kerana dimasa pagi penulis tidak berpeluang menemui kaum lelaki kerana masing-masing sibuk dengan tugas-tugas sehari-hari; justru itu penulis lebih banyak memperolehi data-data dari kaum wanita. Manakala diwaktu malam pula, agak sukar untuk menemui mereka kerana itu merupakan waktu istirahat mereka, lagi pun didalam masyarakat yang teguh dengan ajaran Islam ini memandang serius kiranya terdapat seorang gadis seperti penulis mengunjungi rumah orang dalam hari.

Seterusnya penulis menghalau masalah untuk mendapatkan data-data yang lebih konkret mengenai aspek pendapatan, perbelanjaan dan pengumpulan harta masyarakat ini. Penulis menyedari hakikat ini kerana sememangnya begitu sifat manusia tidak suka orang lain mengambil tahu tentang urusan ekonomi keluarga mereka. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi setelah penulis memberi penerangan-penerangan ringkas mengenainya.

Dari segi kaedah pula, penulis menghadapi masalah untuk menjalan-

kan questionnaire kerana ujudnya ketidakfahaman mereka terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Terdapat diantara yang tidak menjawab langsung ataupun yang menulis tidak sepenuhnya. Untuk mengatasinya terpaksa penulis turut mengisi questionnaire yang diedarkan itu.

Masalah kurang sambutan dan tidak mahu bekerjasama adalah masalah yang umum bagi penulis. Ini adalah kerana ujudnya syak wasangka dan perasaan insecurity dikalangan mereka bila soal-soal hidup dan keluarga mereka ditanya oleh seorang luar. Tetapi, masalah ini tidak ketara sangat kerana di tempat itu penulis tinggal bersama-sama teman karib yang berbangsa "India Muslim" ini juga.

Ketika menemui ahli-ahli politik dan penghulu kampung ini, juga timbul masalah dimana mereka cuba menyembunyikan soal-soal politik dari pengetahuan penulis. Ini kerana mereka beranggapan seolah-olah penulis ini "ajen" pihak-pihak tertentu yang ingin menyelidiki soal-soal kehidupan mereka dan juga aktiviti politik yang telah mereka lakukan selama ini. Butir-butir tentang pentadbiran dan politik sukar didapati jika dibandingkan dengan butir-butir mengenai asal-usul dan sesiapa mereka.

Integriti dan rasa amanah, diwujudkan dalam bentuk pembenaran untuk proses penyelidikan akhirnya adalah perkara penting. Mengingat hal ini merupakan faktor penting dalam keseksyenan sebuah hasil penyelidikan. Kebanyakan responden merasa bahawa penting untuk memberi maklumat yang akur dan benar (objektif). Selain itu, responden merasa bahawa penting diberi

## BAB 2

### KONSEP DAN TEORI

Dalam kajian akademik yang berunsurkan penyelidikan perhubungan manusia atau masyarakat, sering terdapat beberapa konsep dan teori yang berkaitan dengannya. Konsep dan teori ini mempunyai berbagai-bagai corek definasi mengikut pandangan pengkaji-pengkaji sains sosial. Oleh kerana ujul pelbagai definasi teori dan konsep ini, maka untuk sesuatu kajian ilmiah, ia mestilah diuji ketepatan nya dulu, dan barulah disesuaikan kedudukannya dalam bidang kajian. Sebagai contohnya, didalam kajian penulis mengenai interaksi masyarakat "India Muslim" didalam socio-budaya orang-orang Melayu sebagai masyarakat dominant; timbul konsep dan teori-teori seperti assimilasi, akulturasi, integrasi, marginal ethnic group, technique du Corps, konsep Melayu dan beberapa hal lain yang semuanya berkaitan dengan soal integrasi bangsa (ras).

#### 2.1 Definisi Integrasi:

Oleh kerana letihon ilmiah ini mengkaji sejauhmana integrasi dan assimilasi marginal ethnic group "India Muslim" kedalam budaya Melayu, maka sesuai sekali dijelaskan dulu definisi integrasi, assimilasi dan marginal ethnic group itu.

Integrasi dari segi sosiologi, digunakan dalam konteks menerangkan satu proses menyatupadukan sekumpulan etnik manusia-manusia, yang dianggap hidup bersendirian kedalam cara kehidupan kumpulan yang lebih besar (dominant). Diantara sarjana sosiologi yang ulung didalam

penjelasan integrasi sosial ini ialah Augusta Conte (1798 – 1857) yang melihatnya dari dua aspek iaitu (i) Social Statistics dan (ii) Social Dynamics. Social Statistics adalah satu kajian keatas keadaan yang ada dia didalam masyarakat, dimana ciri yang penting sekali ialah Social Order atau "susunan sosial". Ia adalah kajian mengenai teori-teori "susunan sosial" yang boleh mengujudkan koharmonian dalam sesuatu masyarakat yang berbagai-bagai jenis dan raga individu.

Conte berpendapat; susunan sosial itu ialah sebagai satu undang-undang semula jadi (law of nature). Ianya sudah terujui, dan melaluiinya manusia mengatur pola-pola perlakuan dan aktiviti-aktiviti sosial mereka sehari-hari. Fakta utama di sebalik susunan sosial itu dikonali sebagai congenous universalis iaitu korelasi yang ialah diantara unsur-unsur individu dalam sesuatu masyarakat itu. Masyarakat, sebagai organisme sosial, dibentuk oleh pelbagai komponen yang saling bergantungan. Setiap individu akan memainkan peranannya untuk mencapai satu consensus dalam usaha mengujudkan dan merapatkan perhubungan yang harmoni dalam masyarakat.

Emile Durkheim dalam karyanya, Division of Labour, (1893) menganjurkan bahawa terdapat dua jenis perpaduan dalam masyarakat, iaitu (i) Mechanical Solidarity, (ii) Organic Solidarity. Mechanical Solidarity adalah perpaduan yang berasaskan kepada "persamaan" (solidarity of resemblance) iaitu keadaan dimana anggota-anggota masyarakat itu tidak banyak berbesa antara satu sama lain, mereka mempunyai collective feeling yang teguh, tanggapan yang sama terhadap sesuatu, dan memegang serta mematuhi nilai-nilai yang sama. Masyarakat yang sering tergolong dalam kumpulan ini ialah masyarakat simple dan archaic.

Organic Solidarity adalah sebaliknya iaitu yang berdasarkan kepada perbezaan atau differentiation. Setiap individu mempunyai peranan yang berlainan dan khusus. Diantara mereka ialah satu sistem division of labour dimana setiap orang membuat sesuatu kerja yang khusus dan terhad semata-mata didalam lapangan politik, ekonomi dan sosial. Akan tetapi, "pengkhususan peranan" ini tidak pula mengujukan konflik; sebaliknya peranan itu adalah saling melengkapi. Akibat dari koperasi ini akhirnya akan mengujukan integrasi dalam masyarakat.

Kebanyakan dari ahli-ahli sociologi juga membentangkan idea-idea tentang integrasi membuatnya secara umum. Sedikit perhatian diberikan terhadap corak dan komposisi dalam masyarakat itu sendiri kerana apa yang dibincangkan adalah terhad pada masyarakat yang homogeneous. Dalam sebuah masyarakat yang bercorak heterogeneous dimana terdapat banyak kumpulan yang berlainan lataphelakang ethnik dan budaya; maka pendekatan yang berlainan adalah penting dalam mengkaji masalah integrasi ini. Diantara pengkaji yang melihat perhubungan sosial dalam masyarakat berbilang kaum ialah Philip Mason (1954), J. Newman (1970), Michael Bentan (1950), dan Schermerham (1970).

Philip Mason<sup>(1)</sup> dalam sebuah kajianya mengenai integrasi dikalangan orang-orang kulit putih dan kulit hitam dalam abad ke 18, menganjurkan bahawa integrasi meliputi tiga proses penting iaitu; absorption, assimilation dan acceptance. (Mason, 1954). Proses absorption itu berlaku diperingkat permulaan, dimana kumpulan minoriti yang mendatang itu mula menerima nilai-nilai dan norma-norma sosial kumpulan dominant.

---

(1) Newman, J. Race, Migration and Integration, Calvin & Co., Ltd., 1968 ms. 185.

Mereka secara beransur-ansur menghapuskan identiti asal mereka dan cuba identifikasi diri dengan masyarakat baru itu. Ini diikuti dengan ~~boleh~~ assimilasi; bilamana kumpulan minoriti itu bergaul, menerima serta menyesuaikan diri mereka dengan anggota-anggota masyarakat yang lain, dan menghilangkan perbezaan kebudayaan kecuali pada nama dan sifat-sifat fizikal mereka, seperti orang-orang Eropah di Amerika Syarikat. Peringkat akhir ialah acceptance; dimana mereka ini telah diterima sebagai satu komponen didalam masyarakat yang dominant tadi. Proses integrasi menurut Mason, boleh merupakan satu proses yang "lambat" oleh kerana iaanya meliputi soal "sikap" kesemua kumpulan itu. Dimana sikap mereka lebih "mudah dilentur" dan kurang "berprasangka" integrasi akan berlaku dengan lebih cepat dan mudah. "Integrasi" kalaupun tidak membawa kepada "assimilasi" atau "penyerapan" maka sekurang-kurangnya akan membawa kepada "penyesuaian" (adaptation) pada kumpulan minoriti dan accomodation pada kumpulan majoriti.<sup>(2)</sup>

Bagi Schermerhorn pula;

"Integration is a process whereby units or elements of a society are brought into an active and coordinated compliance with the ongoing activities and objectives of the dominant group in that society."<sup>(3)</sup>

Disini apa yang ditekankan oleh faktor "penglibatan" dan "kerjasama" antara anggota-anggota dalam usaha mencapai matlamat kumpulan

(2) Newman, J., Race, Migration and Integration Calvin & Co, Ltd, 1968, ms. 56.

(3) Schermerhorn, R.A., Comparative Ethnic Relation; A Framework of Theory and Research, Random House, New York, 1970, ms. 14.

majoriti. Maksudnya; "integrasi sosial" dalam sebuah masyarakat yang bercorak multi-racial akan tercapai apabila kumpulan etnik minoriti telah dapat menyesuaikan diri dengan pola-pola kelakuan golongan dominant melalui penyertaan didalam aktiviti yang diajukan. Definisi Schemerhorn ini adalah berseguai dengan keadaan yang berlaku didalam masyarakat Malaysia hari ini.

Tetapi, bagi Ferdinand Tonnies pula (1855 - 1936), beliau membentangkan ideanya mengenai gemeinschaft dan gesellschaft. Menurut Tonnies, "perhubungan sosial" itu adalah merupakan ciptaan semangat kesaksianan (All social relations are creations of human will, of which there are two types. The first is essential will ... The second is arbitrary will.) Yang dimaksudkan dengan essential will atau "keaslian asasi" itu adalah asas penggerak atau tendensi penggerak manusia itu untuk bergiat secara tidak disedari. Manakala arbitrary will itu pula adalah satu bentuk "kesengajaan" yang menentukan aktiviti manusia demi untuk membela atau menentukan masa depan masyarakat dan individu yang tertentu.

Menurut Michael Benton, akibat dari pertembungan dua atau lebih kumpulan etnik boleh membentuk one corak perhubungan, yang dibesarkan oleh situasi yang berlainan tika integrasi itu berlaku, iaitu:-

### 1. "Peripheral Contact"

iaitu keadaan dimana berlakunya "pertukaran"(transaction) diantara dua masyarakat itu tetapi ia tidak membawa kepada apa-apa bentuk "penyesuaian" atau perubahan pada masyarakat yang terlibat.

**2. "Institutionalized Contact"**

iaitu hubungan yang ujud bila salah satu masyarakat itu mempunyai "sistem politik yang berpusat". Hanya segelintir sahaja orang-orang yang terlibat didalam interaksi itu dan mereka itu cuba mengawal pergerakan sebahagian besar anggota masyarakat yang lain. Untuk kesuahan, golongan yang berkuasa itu menggunakan institusi-institusi sosial yang ada. Mereka ini sebenarnya memainkan peranan dalam dua sistem sosial yang berlainan iaitu; "masyarakatnya sendiri" dan "sistem perhubungan antara dua masyarakat itu".

**3. Perhubungan "domination"**

iaitu apabila salah satu masyarakat itu menguasai atau menakluk yang lain. Ini akan mengujudkan sistem yang terbahagi dua iaitu; sistem tempatan (local) dan sistem nasional.

**4. Perhubungan "paternalism"**

ini ujud apabila berlakunya penaklukan; tetapi kumpulan yang berkuasa itu sebenarnya dikuasai oleh negara induknya, terutama dalam hal-hal yang berhubung dengan penentuan polisi dan keputusan yang penting; seperti perhubungan yang ujud antara Malaya dan Kerajaan British pada abad ke 19 dulu.

**5. Perhubungan "Pluralism"**

iaitu kesuaian dimana kumpulan minoriti "diberi hak" untuk berpolitik yang sama tetapi perbesaan diantara etnik itu

terti uga pun tetap diperkuat dari semasa kesemasa. Oleh itu ras tidak menunjukkan perbezaan peranan tetapi menunjukkan yang lain. Variasi didalam expected behaviour dalam banyak hal.

#### 6. Perhubungan "Integrasi"

iaitu keadaan dimana anggota-anggota masyarakat yang berinteraksi tidak memperdulikan perbezaan ethnik tetapi ia masih digunakan sebagai social sign. Keadaan ini jelas terdapat dalam masyarakat Malaysia; umumnya orang-orang China selalu dianggap kaya dan rajin bekerja; manakala orang Melayu pula dianggap sebagai miskin dan pemalas.

Dari perbincangan diatas dapat disimpulkan bahawa integrasi merupakan satu keadaan, dimana anggota-anggota masyarakat saling berinteraksi dan bekerjasama didalam segala kegiatan yang meliputi mereka, tanpa menghiraukan soal perbedaan ras, status, latarbelakang kebudayaan atau ideoloji. Semua mereka menginternalisasikan pola-pola kelakuan, sikap dan peranan masing-masing mengikut "struktur norma" yang sediada dalam masyarakat itu, serta bersatu dalam usaha mencapai satu identiti masyarakat yang sama.

#### 2.2. Definasi Assimilasi:

Didalam Encyclopedia of Social Science, Sympson telah mendefinisikan assimilasi itu sebagai;

"a process in which person of diverse ethnic and racial background come to interact, free of these constraints in the life of the larger community." (4)

(4) George E. Sympson dls., Encyclopedia of Social Science, David L. Mills, Vol.1, 1970, New York, ms. 483.

Dari apa yang ditekankan oleh Sympson ialah perhubungan yang ujud diantara dua gelongan ethnik dimana salah satu darinya lebih besar dari yang lain. Kedua-dua kumpulan itu pula hidup dalam harmoni dan tidak ada constraints diantara mereka. Tetapi menurut Park, R.E., pula, (5) assimilasi adalah proses yang berlaku dalam masyarakat dimana individu-individu dengan cara spontan mengemalkan ciri-ciri kebulusan orang atau kumpulan lain; iaitu termasuk tindakan, bahasa, sikap dan kegemaran, juga proses dimana individu dan kelompok "disatukan" dalam kumpulan besar.

Pandangan Park ini telah digunakan oleh Milton Gordon dan E.W. Burgess yang menyatakan assimilasi adalah:

"a process of interpenetration and fusion in which persons and groups acquire the memories, sentiments, and attitudes of other person or group and by sharing their experience and history, are incorporated with them in a common cultural life." (6)

Milton melihat assimilasi sebagai satu proses yang melibatkan "perubahan pola-pola kewarganegaraan". Proses ini memakan masa yang panjang, berlaku secara berperingkat dan dalam berbagai bentuk. Peringkatnya ialah: (7)

1. Assimilasi kebulayaan atau perlakuan (cultural or behaviour assimilation) iaitu dimana berlakunya perubahan

(5) Park, R.E., Race and Culture, ms. 204.

(6) Milton, Gordon, Assimilation in American life, Oxford University Press, New York, 1964, ms. 61.

(7) Milton, Gordon, - ibid - ms. 64.

pola kebudayaan mengikut corak kebudayaan masyarakat tuan rumah (host society). Ini termasuklah assimilasi dari jenis kepercayaan dan nilai.

2. Assimilasi Struktur - iaitu dimana terdapat kemasukan

orang-orang atau kumpulan yang mendatang secara meluas

kedalam clique, kelab dan institusi-institusi sosial

masyarakat tuanrumah.

3. Assimilasi Perkahwinan (marital assimilation) - iaitu apabila

terdapat perkahwinan campuran yang luas diantara kumpulan yang

mendatang dengan masyarakat yang dimasuki.

4. Assimilasi Identifikasi - Jenis ini ialah kesaan dimana

ujud perasaan kekitaan yang diasaskan kepada masyarakat

"assimilated" keadaan dimana satu-satu kumpulan minoriti yang

mandatang merasa bahagia dengan masyarakat yang lebih besar; manakala

5. Assimilasi Penerimaan Sikap (Attitude Receptional Assimilation)

iaitu kesaan dimana tidak ada perasaan prasangka terhadap

orang atau golongan yang bertembung dengan mereka,

6. Assimilasi Penerimaan Pelakuan (Behavioral Receptional

Assimilation) - iaitu kesaan dimana tiadanya diskriminasi

terhadap orang-orang diluar kumpulan yang bertembung dan

mengamalkan kebudayaan mereka.

7. Assimilasi Civic - iaitu kesaan dimana hilangnya konflik

nilai dan peributuan kuasa diantara kedua pihak yang akan

melahirkan pula satu sistem kebudayaan masyarakat yang

terlibat.

Ketujuh-tujuh bentuk assimilasi ini adalah saling berkaitan dan ianya

berlaku merupakan satu proses perlanjutan atau follow-up process.

"Assimilation is the process by which groups with diverse beliefs and behaviour pattern become absorbed into another culture. The end product of this process is the elimination of a group as a distinct cultural entity."(8)

Pandangan definasi ini telah diberikan oleh Minako Kurokawa yang melihat assimilasi ialah satu proses dimana kelompok-kelompok yang mempunyai latarbelakang kepercayaan dan pola-pola kelakuan yang berlainan, bertemu-bung dan menjelmakan satu sistem kebudayaan yang baru.

Ada pula setengah-setengah ahli sosiologi menganggap assimilasi itu sama dengan akulturasi seperti oleh R. Redfield, R. Linton dan Michael Banton<sup>(9)</sup>; diantara kedua konsep ini terdapat sedikit perbezaan. Ini seperti yang dijelaskan oleh Syed Husin Ali iaitu: "assimilasi" adalah keadaan dimana satu-satu kumpulan minoriti yang mendatang meresap kedalam kebudayaan masyarakat yang lebih besar; manakala "akulturasi" pula menunjukkan bahawa dalam pertembungan (interaksi) kebudayaan yang berlaku, ujud proses memberi dan menerima; yang mungkin akan menimbulkan satu perkara atau corak kebudayaan yang baru.

Dalamuraian definasi assimilasi ini perlu juga dilihatkan beberapa ciri-ciri yang membentuk assimilasi. Diantaranya ialah:-

---

(8) Minako Kurokawa, Minority Responses; Random House, New York, 1970, ms. 71.

(9) Michael Banton, Race Relation, Tavistock Publications, London, 1970, ms. 70.

- (i) Pertembungan dua atau lebih individu atau kumpulan yang berlainan keturunan dan kebudayaan, khasnya dimana berlakunya kesukuan satu kumpulan minoriti kedalam satu masyarakat yang lebih besar; dan dimana satu pihak "lebih lemah" dari pihak yang lain. Pihak yang lemah akan membuat lebih banyak penyesuaian dan perubahan dari yang kuat.
- (ii) Perhubungan yang ujud dari pertembungan itu adalah berlanjutan, didalam satu kawasan, iaitu masyarakat yang dimasuki.
- (iii) Interaksi yang ujud diantara dua pihak adalah bercorak hubungan asas kerana dari situ akan mengujudkan "perasaan kekitaan" (peoplehood) diantara semua anggota masyarakat tidak kira ethninya.
- (iv) Ujudnya perasaan "kesetiaan" (loyalty) dari "pengorbanan" untuk masyarakat yang dimasuki.

Dari perbincangan di atas dapat dilihat bahawa assimilasi dan integrasi adalah dua proses yang berlainan tetapi berkaitan. Sebenarnya, integrasi merujuk kepada proses interaksi dan kerjasama diantara individu-individu dalam masyarakat. Manakala assimilasi ialah satu proses penyerapan unsur-unsur kebudayaan oleh sesuatu kumpulan minoriti. Oleh itu integrasi dapat berlaku didalam masyarakat homogeneous dan juga heterogeneous. Tetapi proses assimilasi hanya dapat berlaku dimana adanya pertembungan antara dua kumpulan yang mempunyai latarbelakang ethnik dan budaya yang berlainan.

### 2.3 Definasi Marginal Ethnic Group

Oleh kerana "India Muslim" ini dikatakan ethno-racial marginality maka eloklah dihuraikan apakah definasi konsep ini. Konsep ini telah difikirkan oleh George Simmel, seorang ahli sains sosial bangsa Jerman dalam karyanya "The Stranger" dan diperkenalkan oleh Robert E. Parks dalam artikelnya "Human Migration and the Marginal Men". Tetapi, Everett V. Stonequist lah yang mula-mula sekali mengubahsuai dan membukukan konsep ini dengan mengemukakan beberapa karakter mereka sebagai akibat dari perpindahan manusia dan percampuran bangsa-bangsa (racial).

Mengikut formulasi Parks "Marginal Man" adalah hasil dari "perpindahan manusia" dan "konflik budaya". Park mencadangkan bahawa marginal man itu sebagai cultural hybrid atau "kacukan kebulayaan". "Is one who lives in two worlds, in both of which he is more or less of a stranger". Contohnya ialah orang Jew di Eropah, orang Melayu di Amerika dan Eurasian di Asia. Park menambah:<sup>(10)</sup>

".... there appeared a new type of personality, namely, a cultural hybrid, a man living and sharing intimately in the cultural life and traditions of two distinct peoples; never quite willing to break, even if he were permitted to do so, with his past and his traditions, and not quite accepted, because of racial prejudice, in the new society in which he sought to find a place. He was a man on the margin of two cultures and two societies, which never completely interpenetrated and fused."

---

(10) Robert E. Parks - "Human Migration and the Marginal Man" dlm. American Journal Sociology, Vol. 33, May 1928, ms. 892.

Parks menggunakan konsep marginality ini untuk orang-orang dari "percampuran ras", tetapi Stonequist menambah dengan beberapa "ciri-ciri utama orang-orang" ini. Diantara sifat-sifat orang ini sebagaimana yang dikatakan oleh Stonequist ialah "kesedaran yang berganda" (double consciousness), ambivalent, moody, temperament, hypersensitive dan hypercritical. Oleh kerana mereka merasai yang diri mereka itu terasing, terhindar dan mempunyai dua budaya maka mereka menjadi lebih objektif dalam memilih budaya mana yang patut diwarisi. Istilah yang disebut oleh Stonequist ialah dissonance-producing situation. Beliau mencadangkan sebagai berikut:<sup>(11)</sup>

"In general, the marginal individual may evolve in one of three major directions: (i) assimilation into the dominant group, (ii) Assimilation into the subordinate group; or (iii) some form of accomodation between the two societies."

Apa yang dikatakan oleh Parks dan Stonequist ini telah dikritik oleh Milton N. Goldberg dalam artikelnya "A Qualification of the Marginal Man Theory". Goldberg menekankan; mereka ini sebagai marginal culture kerana mereka ini mewarisi dua corak kebulayaan, melambangkan yang mereka itu unik dan terasing kerana percampuran ras tadi.

"The Marginal Culture was in essence a subculture or a hybrid culture and served to provide meaning, continuity, and normative order to the lives and interactions of individuals who might not otherwise fit into the dominant culture, the subordinate

(11) Everett V. Stonequist, The Marginal Man; A Study in Personality and Culture Conflict, dlm. Ernest W. Burgess dan Donald J. Bogue, Contributions to Urban Society, Chicago, 1964, ms. 337.

culture of one or the other of their ancestors, (12) or other minority cultures in the same society."

Idea Goldberg ini amat bersetujuan dengan konsep marginality men di Malaysia ini. Cultural marginality menerangkan situasi dimana manusia berinteraksi dengan masyarakat dominant ditempat yang dia berassimilasi dalam kehidupan sosio-budaya. Ini merangkumi soal-soal seni, pengetahuan, moral, undang-undang, adat dan juga bahasa dan ugama, disamping itu mereka ini tetap mewarisi beberapa aspek sosio-budaya mereka yang asal.

Di Malaysia, marginal ethnicity ini dimaksudkan kepada "dan golongan yang bukan Melayu seperti China dan India yang telah menerima assimilasi dan integrasi kedalam sosio-budaya Melayu disamping terus mewarisi nilai-nilai budaya asal mereka terutama dari segi ugama. Terdapat dua kategori Marginal Ethnicity di Malaysia iaitu (i) Malay Marginal Ethnicities dan (ii) Non-Malay Marginal Ethnicies. Malay Marginal Ethnicics ini dirujuk kepada orang-orang Jawa dan Indonesia yang datang ke Malaysia sejak zaman dulu lagi dan kini telah bermastautin di Malaysia. Non-Malay Marginal Ethnicics pula ialah percampuran dari orang Melayu dengan bangsa India dan China melalui perkahwinan, dan mereka ini mengikuti sosio-budaya orang Melayu. Golongan kedua ini dipecahkan pula kepada dua berdasarkan keugamaan iaitu Muslims Groups, seperti: Darah keturunan Arab dan Darah keturunan Keling (Indian Muslim); dan

---

(12) Milton N. Goldberg, "A Qualification of the Marginal Man Theory" dlm. American Sociology Review, vol. 6, February 1941, ms. 52 - 58.

Non-Muslim Groups : seperti China Peranakan, China Yunnan, Komuniti India Chitty dan Komuniti Portugis Melaka. Dan, masyarakat "India Muslim" ini nyatakan dimasukkan dalam "golongan Muslim" kerana mereka ini beragama Islam.

#### 2.4 Technique Du Corps oleh Marcel Mauss

Dalam mengkaji integrasi dan assimilasi marginal ethnicity perlu diperhatikan teori Technique Du Corps yang diperkenalkan oleh Marcel Mauss iaitu seorang pengkaji sosiologi Perancis. Teori ini ialah mengenai "Sosialisasi Fisikal" yang diperolehi melalui "ekspressi" dan "reaksi anggota badan" seseorang itu. Menurut Mauss:

"The body is trained by the norms of society to respond in certain acceptable ways in the physical actions of daily chores such as when playing, working, eating, sleeping, walking as well as in executing all the other socially conditioned "physical reactions." (13)

Perbezaan jantina dan kumpulan-kumpulan ethnik bangsa non-berikan kepada anggota masyarakatnya kepada keadaan yang semula sedar atau separuh sedar tentang hak, adab dan budibicara reaksi anggota badan. Bagi anggota wanita adalah dijangkakan untuk menunjukkan sifat-

(13) Mauss, Marcel, "Sociologie et Anthropologie" 5th Edition Paris, 1973, ms. 365 - 386.

sifat yang lemah lembut seperti feminine manners dan disebaliknya bagi anggota lelaki. Ini samalah seperti expected behaviour.

Di Malaysia, dapat dilihat teori ini bila dirujukkan kepada tiga bangsa utama iaitu; Melayu, China dan India. Tiap-tiap bangsa ini mempunyai technique du corps mereka tersendiri. Contoh; cara makan orang Melayu ialah melalui tangan kanan, orang China dengan menggunakan kayu sepit (chopsticks), manakala orang India ialah dengan tangan kanan tetapi nasi itu diremas-remas dulu dan dimakan di atas daun pisang.

Untuk mengetahui sejauh mana teori ini berkesan didalam penghuraian integrasi marginal ethnicity ini dapat dilihat dari dua peringkat. Yang pertama ialah, dimana assimilasi itu diterima berdasarkan kepada kehendak-kehendak formal dari ahli-ahli anggota kedalam kumpulan itu; contohnya melalui pemelukan ugama (ugama Islam oleh "India Muslim"). Manakala yang kedua pula dan yang utama sekali ialah; penerimaan keseluruhan dari unsur-unsur socio-budaya dalam cara kehidupan dan kumpulan yang baru itu. Disini, perlu dihuraikan bahawa, walaupun seseorang itu telah menerima dan meneluk ugama dari masyarakat yang mereka ikuti itu, tetapi ini tidak bermakna yang mereka itu sepenuhnya telah assimilasi. Tetapi, bila seluruh cara hidup kelompok yang baru itu telah diassimilasi maka dengan sendirinya bermakna yang mereka itu telah full assimilated. Dalam peringkat inilah timbulnya konsep Technique Du Corps itu.

Dalam hal ini, jika dirujuk kepada masyarakat "India Muslim" dapat dilihat banyak ciri-ciri technique du corps ini. Walaupun dari

segi identitinya mereka dikenali sebagai orang Melayu sejati tetapi dalam beberapa hal jelas memperlihatkan geraklaku dari kebudayaan lama mereka. Contohnya seperti dalam cara bercakap didapati mereka mempunyai cara yang mewarisi sifat India iaitu agak cepat dan boleh dikatakan semua anggota badan turut sama bergerak bila bercakap. Begitu juga dalam pekerjaan dimana mereka ini mempunyai sifat bekerja yang agak kasar, cepat dan kadang-kadang seperti terburu-buru dan ini sering diistilahkan oleh orang Melayu sebagai; "buat kerja macam orang Keling". Diwaktu makan pula, mereka ini gemar meramas-ramas nasi itu dulu sebelum disuapkan kedalam mulut. Walaupun bagaimanapun, kesan integrasi dan assimilasi jelas menunjukkan yang mereka ini mempunyai technique du corps yang mematuhi cara hidup Melayu dan sebahagiannya pula mewarisi carahidup "India" yang telah dijadikan sebutan oleh R. "Malaysia" dia dalam Hindu.

## 2.5 Konsep Melayu:

Oleh kerana kajian ini mengenai marginal ethnicity "India Muslim" berintegrasi kedalam socio-budaya Melayu, maka adalah perlu dihuraikan beberapa pengertian tentang konsep Melayu itu. Ini dapat ditinjau dari beberapa sudut tetapi dari segi sejarah menurut R. Emerson bahawa, "asal-usul ras Melayu .... masih merupakan satu mistri yang belum dapat dipastikan oleh ahli-ahli antropologi".<sup>(14)</sup> Ras disini tidak bermaksud "bangsa" dalam erti kata nation sepetimana yang terdapat dalam edisi terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka.

---

(14) R. Emerson, "Malaysia" Pustaka Aman, Kuala Lumpur, 1964.  
ms. 12.

Istilah-istilah seperti "Melayu", "Malaysia", "Kepulauan Melayu", "Nusantara" dan sebagainya merupakan satu komuniti dalam penuh lisan sejarah bangsa Melayu ini. Tetapi, perkataan Ho-lo-Yu telah terjelma didalam karya-karya I-Tsing pada awal abad ketujuh dulu. Van Ronkel pula tela telah menerangkan bahawa seorang Melayu ialah yang berbahasa "Melayu jati" dan menduduki Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau, Lingga, Singkap dan juga beberapa kepulauan di Sumatera terutama sekali di Palembang. Sementara Robequain telah menggolongkan "Dunia Melayu" ini lebih luas merangkumi Malaya, Singapura, Hindia Timur, Riau, Indonesia, Borneo Utara, Sarawak, Brunei dan Timur serta Philippines.<sup>(15)</sup>

Wang Gung Wu menekankan konsep Melayu ini melalui perkataan "Malaysia" yang telah digunakan sejak abad ke 19. "Malaysia" ini bukan merupakan satu entiti politik sebagai sebuah negara yang ujul sejak 1963 tetapi "Malaysia" yang mempunyai beberapa ciri-ciri yang sama seperti:

- (i) Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca perdagangan dan perhubungan,
- (ii) Penduduknya mempunyai cara hidup yang sama,
- (iii) Mempunyai organisasi sosial dan ekonomi yang serupa,
- (iv) Mempunyai alat dan kebudayaan yang sama,
- (v) Dan, kebanyakannya penduduknya telah memeluk agama Islam sejak 400 tahun dulu.<sup>(16)</sup>

(15) Robequain C., Malaya, Indonesia, Borneo and the Philippines, London, 1964. ms. 64.

(16) Wang Gung Wu, Malaysia, Singapore, 1964. ms. 15. takar seorang itu sebagai orang Melayu; walaupun ia tidak beringsukan

(17) Raja Mohamed Affandi, "Tokoh-Tokoh Melayu Yang penting dalam Sejarah", Bersama Bahasa dan Tarike, K. Lumpur, 1974. ms. 7.

Raja Mohamad Affandi menegaskan kesamarataan konsep Melayu itu meliputi satu ras yang besar dan melingkungi satu kawasan "geografi" yang luas. Beliau lebih yakin bahawa,

"Istilah orang Melayu tidaklah boleh dihadkan kepada orang Melayu di Malaysia sahaja kerana dalam sejarah orang Melayu ialah orang yang berbahasa Melayu, mengikut adat resam Melayu, dan tinggal di Kepulauan Melayu."(17)

Beliau lebih menekankan tokoh-tokoh agong Melayu dari segi sejarah sebelum Islam dan selepas penerimaan Islam di Nusantara ini. Tetapi, menurut Syed Husin, konsep Melayu ini adalah multiracial iaitu ada unsur-unsur ethnik dan dipengaruhi oleh "perkembangan Islam".

Jika ditinjau dari segi sosiologi dapat dilihat dari dua kategori utama iaitu: "Bahasa Melayu" dan "Ugama Islam". Dua kategori utama ini menentukan keperibadian Melayu yang mana ianya juga penentu sesuatu marginal ethnic itu samada telah diintegrasikan sepenuhnya dalam sosio-budaya Melayu atau tidak. Penyesuaian identiti kedalam cara-cara orang Melayu itu ditentukan oleh lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh masyarakat Melayu sendiri.

Dari dua lambang utama ini, timbul pula satu masalah yang pernah disarangkan oleh Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj (bekas Perdana Menteri Malaysia). Beliau telah menetapkan bahawa setiap orang yang telah memeluk ugama Islam itu mestilah diterima sebagai orang Melayu. Saranan beliau ini telah menimbulkan penentangan yang hebat dari ahli-ahli politik yang lain, kerana Islam tidak semestinya menentukan seseorang itu sebagai orang Melayu; selagi ia tidak meninggalkan

(17) Raja Mohamad Affandi, "Tokoh-Tokoh Melayu Yang Agong dalam Sejarah", Dewan Bahasa dan Pustaka, K.Lumpur. 1974. ms. 7.

kebudayaan dan segala aspek nilai-nilai hidurnya yang lama. Yang penting bagi seseorang itu untuk diiktiraf sebagai orang Melayu ialah: mestilah memeluk ugama Islam, tahu berbahasa Melayu, dan dapat mengikut serta mengamalkan adat resam dan kebudayaan orang Melayu. Tegasnya, mereka yang memeluk ugama Islam itu ialah orang Islam, dan jika mereka itu gunakan bahasa Melayu, serta ikut adat resam, pengaruh dan kegiatan sosial orang Melayu maka itu bolehlah dikatakan sebagai orang Melayu; dan jika mereka itu masih kekal pada adat budaya lama mereka, maka itu tidaklah boleh dikatakan orang Melayu, tetapi selagi adat itu tidak bertentangan dengan ugama Islam maka mereka itu adalah tetap orang Islam.

Dalam satu artikel yang diterbitkan dalam "Malay Mail"<sup>(18)</sup> oleh Jabatan Ugama Penang telah menghuraikan bagaimana orang yang bukan Islam itu keliru dalam menbezakan antara yang "masuk Islam" dengan "masuk Melayu". Tegasnya Muslim dan Melayu itu berbeza kerana orang-orang yang bukan Islam sering salah faham kerana mereka sangka tiap-tiap orang yang telah memeluk Islam itu dengan otomatisnya menjadi orang Melayu. Satu lagi salah faham yang sering timbul ialah mereka fikir bahawa adalah satu kemestian untuk mereka supaya bersunat (circumcision) sebelum memeluk Islam. Sebenarnya ini adalah satu sunnat (obligatory) dan bukannya satu hal yang wajib (compulsory).

Dari konsep Melayu ini jika dirujuk kepada masyarakat "India Muslim" memanglah dapat dikatakan yang mereka ini adalah orang Melayu juga iaitu dilihat dari dua ciri utama iaitu Islam dan bahasa Melayu

---

(18) Sajad Hussien, dlm. akhbar "Malay Mail". Wednesday, Dec. 6, 1972, ms. 5, bertajuk "What it means to embrace Islam".

dalam sosialisasi dan integrasi tadi. Mereka ini sememangnya berugama Islam walaupun berlainan mashab dari orang Melayu, berbahasa Melayu dan dari segi adat resam dan budaya keseluruhannya mengikuti cara Melayu. Tetapi, jika ditinjau dari segi sejarah dan Ilmu Alam, mereka ini mungkin tidak boleh dikatakan orang Melayu kerana mereka ini berasal dari India (selatan) yang sememangnya tidak tergolong dalam daerah-daerah Nusantara dan kepulauan Melayu sebagaimana yang ditegaskan oleh Fisher.<sup>(19)</sup> Malau bagaimanapun, masyarakat "India Muslim" di tempat kajian ini adalah seratus peratus mengiktiraf dan mengakui diri mereka sebagai orang Melayu baik dari segi politik, sosial, ekonomi dan ugama kerana segala-galanya menurut mereka adalah sama seperti apa yang terdapat didalam aspek kehidupan orang Melayu juga.

Secara di dalam negara, "Orang Melayu" telah mencampuri beberapa faktor-faktor yang memperlihatkan orang-orang India datang ke Asia Tenggara tidaklah yang pertama kali diaitamerupakan.

a. Seorang dan menggunakan barang-barang milik supir-  
supir, caughtit, pala dan sebagainya untuk membantu  
perjalanan. Misyur Selamat dan seterusnya.

b. Didapati oleh kebanyak bentuk peniaga Perak Selangor  
terdiri dari bangsa-bangsa yang berbarisan seperti orang

(19) Fisher, Charles A., Southeast Asia, London, 1969, ms. 68.

orang supir, orang pedagang, orang buroq, orang buruh, orang Imparit dan sebagainya. Persekutuan dan ketika pergi bila-bila sahaja mereka membeli dan membeli barang dagang untuk dijual  
masing. Lebih-lebih berak pula dengan upahan dan bayangan.

## BAB 3

### LATARBELAKANG MASYARAKAT "INDIA MUSLIM"

#### 3.1 Sejarah

Adalah dipercaiyai bahawa kunjungan orang-orang India ke Nusantara telah bermula sejak sebelum tahun masehi lagi. Tetapi, ianya dapat dikesani dengan lebih hebat lagi dalam tempoh tiga abad pertama Tahun Masehi. Dari segi geografi, hubungan India dengan Tanah Melayu (Malaysia Barat) dan umumnya Nusantara sejarak 2,000 batu itu adalah dieratkan oleh ujuinya Teluk Benggala sebagai highway of communication. Hubungan ketika itu meliputi pertukaran barang-barang perdagangan, orang-orang dan juga idea-idea, walaupun kadarnya agak berlainan mengikut perenggan "sejarah yang berlainan".<sup>(1)</sup>

Coedes; didalam bukunya, "Les Etats Hindous" telah menerangkan beberapa faktor-faktor yang menggalakkan orang-orang India datang ke Asia Tenggara sejak abad yang pertama lagi, diantaranya:-

- a. Nencari dan mengumpulkan barang-barang mewah seperti rempah, cengkih, pala dan sebagainya untuk memenuhi permintaan Empayar Selewid dan Rumawi.
- b. Didorong oleh keinginan hendak mencari harta kokayaan terdiri dari logam-logam yang berharga seperti emas.

(1) Sejarah yang berlainan ini dimaksudkan kepada tempoh masa yang berbeza seperti: sebelum masehi di Nusantara, tahun Masehi sebelum Inggeris dan selepas Inggeris. Perbesaan ini lebih ketara bila mana sejak kurun masehi ia merupakan hubungan dagang tetapi selepas masehi lebih berat pada hubungan ugama dan kebudayaan.

- c. Berlakunya kemajuan didalam pelayaran dan pembinaan kapal-kapal yang boleh menyeberangi lautan yang luas.
- d. Pengetahuan ahli-ahli pelayaran India terhadap tiupan Angin Monsoon, yang memungkinkan pelayaran perdagangan dilakukan secara lebih sistematik.
- e. Pertumbuhan ugama Budha di India dalam abad ke 5. Sebelum ini mengikut ugama Hindu, "Rukum Manu" molarang mereka menyeberangi lautan, kerana takut kehilangan status ras dan kesucian ugama mereka. Tetapi Budha menggalakkan penganutnya belayar untuk berdagang.

S. Arasaratnam telah menunjukkan beberapa material objek yang terdapat di negeri-negeri Tunah Nelayu sebagai membuktikan ujinya perhubungan perdagangan orang-orang India ini. Bukti yang mula-mula sekali ialah di Selatan Kedah dan Province Wellesley (sekarang Seberang Prai) menerusi pemecahan batu-batu bersurat yang merupakan dua rangkap doa Budha dan doa Brahman yang ditinggalkan sejak abad ke 4, 5, 6 dan 7 dulu. Namakala di Kuala Sungai Bujang, Sungai Merbok dan Kuala Nula, Negeri Kedah juga terdapat kesan-kesan penempatan pedagang-pedagang India di abad ke enam, dimana disiniolah tempat mereka menanti peralihan angin monsoon dan juga pusat penyibaran barang-barang dagangan dengan negeri-negeri jiran.<sup>(2)</sup>

Orang-orang India ketika itu merupakan penduduk India yang datang dari daerah utara dan selatan India yang berugama Hindu; kerana

---

(2) Arasaratnam, Sinnappah, Indians in Malaysia and Singapore, Oxford University Press, K.Lumpur, 1970, ms. 5 - 6.

ketika itu, Islam belum lagi diterima di Benua India, sedangkan perhubungan antara India dan Tanah Melayu telahpun ujud. Hanya di zaman-zaman kebelakangan barulah Islam mula bertapak, khususnya, dikalangan pedagang-pedagang Gujerat. Mereka lah orang-orang Islam yang mula-mula datang ke Tanah Melayu untuk bermiaga, dan disemping itu juga mengembangkan ajaran-ajaran ugama Islam. Namun begitu, sebelumnya, banyak juga unsur-unsur socio-budaya, politik dan kebudayaan orang-orang Hindu yang telah meresap masuk kedalam kebudayaan tempatan, yakni kebudayaan orang-orang Melayu.

Jadual 1

Susunan jumlah komasukan orang-orang India ke Tanah Melayu  
1786 - 1957<sup>(3)</sup>

Masa	Jumlah yang datang	Peratus	
		Buruh	Bukan Buruh
Hingga 1941	3823812	72.5	27.5
Hingga 1957	4245990	65.3	34.7

Dari Jadual 1, menunjukkan jumlah orang-orang India yang datang ke Tanah Melayu sejak tahun 1786 hingga 1957. Dari jumlah yang datang itu, keseluruhannya menunjukkan pertambahan kecuali peratus buruh yang berkurang semasa 1957. Ini adalah kerana dimasa itu, Tanah Melayu tidak lagi menggalakkan pengambilan tenaga buruh luar sebagaimana

(3) Kornail Singh Sindhu, Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement (1786 - 1957). Cambridge, 1969. ms. 159.

yang dilakukan sewaktu penjajahan British sebelumnya. Orang-orang dari India selatan berkurang dari 92.3% kepada 91.3% terdiri dari Tamil, Telugu dan Malayalis; manakala India utara pula telah bertambah dari 7.7% kepada 8.7% yang terdiri dari orang-orang Hindu, Panjabi, Benggali, Gujerat, Pathan, Parsis dan lain-lain.

Dari apa yang didapati tadi dapatlah difahami akan ujudnya perhubungan orang-orang India ke Nusantara khasnya di Tanah Melayu ini. Pengaruh hubungan itu adalah berdasarkan kepada kepentingan perdagangan disamping mengembangkan ugama dan kebudayaan Hindu melalui anggota-anggota kasta Brahmin, dan pedagang-pedagang itu sendiri. Ini berlanjutan untuk beberapa abad sehingga ugama Islam mula diperkenalkan ke Nusantara dan mengambil alih tempat ugama Hindu tadi.

Bermula dari abad ke 13, pengaruh Islam mulai tersibar dengan megahnya di Nusantara. Dari catatan Nas'udi, Abdullah, Abu Abhda dan Ibnu Batutah dapat diketahui ujudnya perdagangan Timur Tengah (sebagai tempat bermulanya Islam) dengan negeri-negeri rantau ini. Di Semenanjung Tanah Melayu, penumpuan adalah di Kedah (Kalah). Manakala dimasa ini juga kita dapat melihat beberapa negeri-negeri di India yang telah memeluk ugama Islam terutama sekali di Gujerat dan Bengal. Akibatnya ramailah pedagang-pedagang dari India yang berugama Islam datang ke Nusantara menggantikan pedagang India yang berugama Hindu dulu. Ini ditegaskan lagi oleh R.O. Minstedt:

(4)  
"With the decline of Hindu shipping and  
mercantile activity and the expansion of

(4) R.O. Minstedt, *Malaya and Its History*, London, 1969, ms. 34;

Islamic political and economic power in India, the numbers of Hindu traders coming to Malaya declined, giving place to the more powerful and better equipped Muslim merchants of Bengal, Golconda, Gujarat and Coromandel ..... Indian Muslim merchants featured in the early politics of the Malacca Sultanate, and helped in its development and prosperity. There is clear evidence that Tamil Muslim families from the Coromandel coast occupied high positions in the court, inter-married with the royal family, and influenced political events."

Ini berterusan hingga abad ke 15, tatkala Melaka mencapai zaman kegemilangannya. Ramai pedagang-pedagang India Muslim ini berkunjung ke sini dan ada yang menetap di sini dengan mengahwini wanita-wanita tempatan (Melayu berugama Islam - Melaka telahpun menerima Islam ketika itu). Mereka inilah yang dikenali sebagai "India Muslim" atau Jawi Peranakan atau Jawi Pekan ataupun Darah Keturunan Keling.

Dari awal abad ke 18, penumpuan pedagang-pedagang ini mula ke utara Kedah, Seberang Perai serta Pulau Pinang. Ini adalah kerana disaat itu Melaka telah tidak lagi dapat memainkan peranan yang penting sebagai pelabuhan dan tempat perdagangan kerana kejatuhannya ditangan Inggeris. Ketika itu juga telah ramai pedagang-pedagang "India Muslim" yang dikenali sebagai orang Chulia datang dari pantai Coromandel berdagang di sini. Menurut Usha Mahajoni,<sup>(5)</sup>

"The Indian trading community in Malaya has been composed of merchants from Gujarat (both Hindus

(5) Mahajoni, Usha, The Role of Indian Minorities in Burma and Malaysia

and Muslims) who own rich business concerns, South Indian Muslims, called Marakkayars, who are general merchants, dealers, and mainly petty shipkeepers. The Marakkayars are Tamil-speaking Muslims, mostly settled in the Straits Settlements. They have married freely with the Malays, particularly in Penang, where they have influenced the Malay language and religious customs considerably. Before the war, they numbered a little over 40,000".

Dari tarikh-tarikh ujudnya perhubungan orang-orang India ke Nusantara khususnya Tanah Melayu ini dapat dibesakan sebagai "zaman pra moden" dengan "zaman moden", "Zaman Pra-Moden" dimaklumkan zaman sebelum British datang ke Tanah Melayu iaitu; pada abad-abad pertama perhubungan itu ujud, manakala "Zaman Moden" pula ialah selepas British di Tanah Melayu.

Dari kedua-dua zaman ini terdapat beberapa perbezaan mengenai kemasukan dan corak perhubungan orang-orang India ini. Didapati pada kira-kira seratus tahun yang lempau, yaitu di zaman moden, apa yang berlaku ialah adanya pengaliran masuk orang-orang India dengan begitu ramai sekali (influx).<sup>(6)</sup> Diperingkat ini, pertukaran barang-barang hanyalah diperingkat subsidiary sahaja. Tetapi, di zaman-zaman yang lebih awal darinya, keadaan sebaliknya telah berlaku; pertukaran barang-barang lebih meluas dan penting jika dibandingkan dengan soal kemasukan orang-orang India ke Semenanjung Tanah Melayu di Zaman Moden.

(6) Immigrasi orang-orang India ke Tanah Melayu di zaman itu adalah untuk memenuhi kekurangan tenaga buruh di ladang-ladang getah. British tatkala itu menguasai pemerintahan Tanah Melayu dan juga India, telah menggunakan dua cara untuk memudahkan immigrasi ini iaitu melalui sistem Kangani dan indentine.

Satu lagi kenyataan yang dapat dibuat ialah; perhubungan di zaman pramoden adalah timbul daripada inisiatif orang-orang India sendiri, iaitu untuk memenuhi keperluan dan kepentingan mereka sendiri. Manakala di zaman moden, pengaliran masuk orang-orang India itu adalah untuk memenuhi kepentingan golongan ketiga, iaitu pihak British, serta akibat daripada reaksi terhadap permintaan faktor-faktor luaran.

Pada keseluruhannya, didapati bahawa walaupun jangkamasa itu dilihat, India memang memperolehi keuntungan-keuntungan ekonomi hasil dari hubungannya dengan Tanah Melayu. Barang-barang seperti emas dan rempah-rempah mengalir keluar dari Tanah Melayu ke India. Ini merupakan ciri umum mengenai hubungan perdagangan di zaman pramoden. Di zaman kebelakangan ini pula, terdapat peniaga-peniaga dan pekerja-pekerja yang menghantar wang balik ke India dari masa kesemasa. Ini adalah kerana mereka itu datang ke Tanah Melayu untuk sementara sahaja, mencari nafkah hidup sementara untuk pulang semula ke India bila wang himpunan telah mencukupi. Apa yang membekalkannya ialah, di zaman-zaman yang lamau, India lebih banyak menawarkan barang-barangan, manakala di zaman kebelakangan ini pula, India lebih banyak menawarkan tenaga buruh.

Dariuraian di atas, dapatlah dikesan bahawa orang-orang "India Muslim" ini mula datang ke Tanah Melayu sejak abad yang ke 12 dan 13 iaitu bila Islam mula bertapak di Nusantara dan di India juga. Sebelum itu perhubungan adalah melalui orang-orang India sejati. Selain dari itu dapat juga dikesan bilamana terdapatnya orang-orang India tadi yang telah terus menetap di Tanah Melayu dan berkahwin dengan wanita-wanita tempatan. Di akhir abad ke 19, mereka ini telah meresap kedalam

corek kehidupan masyarakat Melayu, dari inilah jenerasi-jenerasi "India Muslim" itu dapat dikesani.

### 3.2 Penempatan

Dalam bahagian 3.1 tadi telah diterangkan cara-cara dan tarikh penempatan orang-orang "India Muslim" ke Nusantara dan Tanah Melayu. Dan, dalam bahagian ini pula akan diterangkan penempatan mereka ini di Pulau Pinang khususnya ditempat kajian penulis iaitu Kampung Sungai Pinang.

Tumpuan orang-orang "India Muslim" ke Pulau Pinang bermula dengan pembukaan pelabuhan Pulau Pinang dalam tahun 1786 menggantikan Melaka yang telah jatuh di saat itu. Pulau Pinang yang di saat itu di bawah pucuk pimpinan British telah menarik minat orang-orang India untuk berdagang di sini, kerana negeri India sendiri dewasa itu juga di bawah kolonial British. Ini ditambah lagi dari segi geografi, dimana jarak antara India dengan Pulau Pinang lebih dekat daripada India dengan Melaka atau Singapura. Hasilnya, lebih banyak massa dapat ditumpukan dalam perniagaan.

Menurut George Netto pula,<sup>(7)</sup> immigrasi orang-orang "India Muslim" ke Pulau Pinang bermula tahun 1833 bila maha ladang-ladang tebu dan kopi mula dimajukan di Pulau Pinang dan Province Wellesley (Seberang Perai). Pekerja-pekerja dan bangsa Tamil dan Telugu (dari kumpulan India

---

(7) Netto, George, Indians in Malaya, Historical Fact and Figures,  
Singapore, 1962, ms. 13 dan 22.

Selatan) telah diambil untuk bekerja di ladang-ladang ini dalam tempoh tiga tahun di bawah "Sistem Surat Perjanjian". Netto menerangkan selanjutnya bahawa:

".... Also, there is a group of people in Penang known as Jawi Pekan and another group in Malacca known as Malacca Chetties who trace their ancestry to original Indo-Malay unions. Jawi Pekan are an industrious folk closely associated with Penang's thriving trade. They had married Malay women and settled down in Penang. They have retained Hindu religion and their Hindu names. They maintained their own temples and priests. But only a few have retained their Tamil language. Malay is their Lingua-Franca."

Perlu dinyatakan di sini bahawa tidak kesemua diantara pedagang-pedagang itu telah berulang-alik dari India ke Tanah Melayu. Ada juga diantara mereka itu yang telah berkahwin dengan orang-orang tempatan, khususnya orang-orang Melayu.<sup>(8)</sup> Mereka inilah yang terus menetap di sini sambil menjalankan perniagaan. Perkahwinan campuran ini telah dimungkinkan kerana terdapat satu faktor yang sama, iaitu kedua-dua pihak adalah berugama Islam. Golongan inilah yang lama kelamaan telah diterima masuk kedalam masyarakat Melayu dan dikenali sebagai "Muzak" ataupun "Darah Keturunan Keling".

Di Pulau Pinang khususnya, dikatakan bahawa masyarakat "India Muslim" ini terdiri dari komuniti yang berlatarbelakangkan kepada

---

(8) Perlu diterangkan di sini, oleh kerana tujuan mereka ke Tanah Melayu untuk berniaga dan bekerja, maka mereka tidak membawa bersama keluarga mereka. Oleh kerana itulah ada diantara mereka yang mempunyai keluarga di sini disamping di India juga.

pembahagian daerah-daerah di India, iaitu India Utara dan India Selatan. Walau bagaimanapun, komuniti India Selatan lebih ramai yang menetap di Pulau Pinang. Mereka ini terdiri dari orang-orang Chulia, Achenese, Gujerat, Marakkayars, Malayalis, Telugu dan lain-lain. Mereka mendiami satu-satu daerah tertentu seperti di Chulia Street, Pitt Street, King Street dan Acheen Street.<sup>(9)</sup>

Tegasnya dapat disimpulkan bahawa masyarakat "India Muslim" di Pulau Pinang ini terdiri dari dua kumpulan iaitu kumpulan yang dilahirkan di sini dan kumpulan yang mendatang yang tidak dilahirkan di sini. Kumpulan yang mendatang itu biasanya terdiri dari jenarasi pertama dan kedua yang datang ke Pulau Pinang untuk mencari nafkah hidup dan sering pulang ke India menemui kaum keluarganya di sana.<sup>(10)</sup> Mereka ini tidak berniat langsung untuk terus menetap di sini. Namakala kumpulan yang dilahirkan di sini lebih merupakan warganegara yang memangnya berhasrat menjadikan Malaysia sebagai tanahairnya. Mereka ini terdiri dari jenarasi ketiga dan keempat. Walau bagaimanapun, jenarasi "India Muslim" yang dapat dikesan dewasa ini adalah dari jenarasi keempat dan di Pulau Pinang sahaja mereka tertempuh ke Kampung Sungai Pinang, Kampung Nakam, Kampung Dodol, Kampung Jawa, Kampung Baharu dan Counter Hall.

(9) J. Thomson, The Straits of Malacca, Indo-China and China, London, 1976, ms. 10.

(10) Mereka pulang dua tahun sekali atau sebagainya dengan menaiki kapal laut dan membawa pulang wang yang disimpannya selama berusaha di sini (Pulau Pinang atau Malaysia).

Penempatan orang-orang "India Muslim" ketempat kajian adalah berasaskan kepada perdagangan dimana pesisiran pantai Timur Jelutung yang merangkumi Sungai Pinang menjadi tumpuan mereka. Mereka ini berdagang barang-barang tertentu yang dibawa dari India seperti periek-balangan, kain-baju, rempah dan lain-lain ke pelabuhan Pulau Pinang seterusnya ke bandar dan kampung-kampung.

Selain dari perniagaan, mereka juga bekerja sebagai buruh-buruh di bengkel-bengkel membuat dan membaiki tongkang (sampan dari kayu). Seiringan dengan keperluan tongkang ini terdapat pula kaum China yang dibawa kesini untuk bekerja di perusahaan balak. Balak-balak ini diikat sebagai rakit dan disimpan di perairan Sungai Pinang. Bersesuaian dengan perkembangan orang-orang China di sini, maka orang-orang "India Muslim" tadi telah mengambil kesempatan dengan menjalankan perniagaan barang-barang makanan kepada pekerja-pekerja tadi, begitu juga dengan pekerja-pekerja di pelabuhan.

Disamping orang-orang "India Muslim", India dan China tadi, terdapat pula golongan lain yang dipanggil "Benggali Chittagong" yang berasal dari India Selatan dan digeler Keling (Kling). Mereka ini juga datang untuk berniaga dan bekerja di Pulau Pinang, yang mana akhirnya menetap di sini dan menerima assimilasi serta sosialisasi kedalam budaya Melayu. Justru itu, penulis telah menggolongkan "Benggali Chittagong" ini sama seperti "India Muslim" juga.

Dariuraian di atas, dapat dikatakan bahawa terdapat empat corak perhubungan yang membawa terbentuknya masyarakat "India Muslim" di kampung ini. Cara-cara itu ialah; pekerjaan, pergaulan, perkahwinan

dan pendidikan ugama. Melalui pekerjaan yang sama, mereka dapat berinteraksi dengan penuh kemesraan dan mengujudkan pergaulan yang harmonis. Ini akan membawa pada penyerapan yang lebih erat bila mereka berkahwin pula dengan rakyat tempatan; disamping sama-sama mempunyai didikan asas ugama yang sama iaitu Islam, oleh kerana itulah proses integrasi dan assimilasi ini begitu mudah dilaksanakan oleh masyarakat ini.

### 3.3 Demografi:

	Orang	Malayu	Non-Malayu
		3,000	3,000

Kampung Sungai Pinang ini dari segi geografinya terletak di bahagian timur pinggiran bandaraya Pulau Pinang iaitu kira-kira dua batu ke pusat bandar. Ianya ditsadbir oleh seorang pegawai daerah yang berIbu Pejabat di Bangunan Tuanku Syed Putra, Pulau Pinang.

Dari segi sejarahnya, kampung ini mulanya dipercayai milik kepada pedagang-pedagang dari seberang Tanah Melayu seperti Sumatera, Aceh dan Bugis. Dan ianya adalah terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu:-

- a. Jelutung Timur
- b. Jalan Sungai Pinang Selatan
- c. Kawasan kampung sekarang ini

Tetapi, sekarang, kampung ini adalah meliputi kawasan yang majoriti penduduknya terdiri dari orang-orang "India Muslim" serta terpisah dari Daerah Jelutung itu. Penduduk Sungai Pinang berjumlah lebih kurang 6,000 orang dan dikenali sebagai "masyarakat Majmuk" kerana rakyatnya yang berbilang bangsa, tetapi bermajoriti dari orang "India Muslim".

Jadual 2

Bilangan Penduduk Sungai Pinang  
Mengikut Bangsa

Bil.	Bangsa	Jumlah
1.	India Muslim	2,500
2.	China	2,000
3.	Melayu	500
4.	Lain-lain Bangsa	1,000
	<b>J U M L A H</b>	<b>6,000</b>

Dari Jadual 2 di atas dapat dilihat bahawa dari sejumlah 6,000 penduduk terdapat seramai 2,500 adalah dari orang-orang "India Muslim", manakala 2,000 untuk bangsa China dan 500 untuk orang-orang Melayu. Lain-lain bangsa seramai 1,000 orang merupakan orang-orang dari Aceh, Sumatera, Bugis, Benggali, India dan orang-orang Eropah. Dari bilangan 2,500 orang "India Muslim" ini pula, boleh dikatakan bahawa majoriti darinya terdiri dari jenerasi keempat iaitu belia ataupun peringkat usur 15 hingga 35 tahun jika dibandingkan dengan golongan ibubapa (dewasa) yang merupakan jenerasi ketiga.

Jadual 3  
Penduduk Pulau Pinang (1970-1980)<sup>(11)</sup>

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1970	388,045	388,725	776,770
1971	392,049	408,051	800,073
1972	423,409	440,691	864,075
1980	515,970	537,030	1,053,000

(11) Penang Development Corporation - A Guide to Investment in Penang,  
4th. Edition, July, 1973.

Jadual 4  
Penduduk India Muslim di Malaysia Barat (1970)

Kawasan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Metropolis	17,000 (69.8%)	7,240 (30.2%)	24,240
Bandar Besar	6,157 (30.7%)	2,552 (29.3%)	8,709
Bandar Kecil	6,160 (32.5%)	2,396 (27.5%)	8,556
Luarbandar	13,241 (62.2%)	8,032 (37.8%)	21,273
J U M L A H	42,558	20,220	62,778

Dari Jadual 4 ini dapat disimpulkan bahawa tidak ada langgung "keseimbangan" diantara taburan jantina dikalangan komuniti "India Muslim" ini. Dalam hal ini, golongan lelaki lebih ramai dari perempuan; manakala di kawasan metropolis sahaja, kejurnya lebih daripada dua kali ganda. Ini mungkin disebabkan yang kedatangan mereka itu adalah kerana bujang dan bila berkahwin pula, mereka berkahwin dengan wanita-wanita tempatan.

Dari segi pola perumahannya pula, Kampung Sungai Pinang yang juga dikenali sebagai "Kampung Selut" atau "Kampung Angkat Main"; sepuluh tahun dulu merupakan rumah-rumah kayu beratap rembia dan bercorak rumah kampung orang Melayu. Tetapi, hasil dari satu lawatan oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail maka beliau telah mendesak Majlis Bandaran Pulau Pinang supaya menjadikan kampung itu sebagai kawasan perkampungan Melayu. Akibatnya rumah-rumah lama itu telah diruntuhkan dan dibina rumah baru dari batu, bertingkat dan berteres.

Bentuk rumah baru ini terdiri dari tiga corak yang terbahagi pula pada sembilan kawasan kecil yang dikenali sebagai Kawasan A, B, C,

D, E, F, G, H dan I. Tiap-tiap satu kawasan ini mengandungi anggaran 50 buah rumah-rumah dalam bentuk-bentuk seperti:-

- a. Rumah sebuah setingkat dari papan bertiang batu yang mempunyai tiga buah bilik. Ini adalah untuk sendiri yang dibayar ansuran setiap bulanan.
- b. Rumah sebuah setingkat sama seperti (a), cuma ia mempunyai dua buah bilik saja.
- c. Rumah teres setingkat mempunyai dua bilik. Ini adalah rumah/yang dibayar bulanan kepada Majlis Bandaran Pulau Pinang.

Pemilikan rumah-rumah ini dibuat dengan dua syarat iaitu:-

1. Sesiapa yang asalnya memang memiliki rumah sendiri di kampung ini dulu, mereka akan mendapat rumah baru itu dengan syarat dibayar tambahan \$34/- sebulan selama 14 tahun.
2. Bagi sesiapa yang dulunya menyewa di kawasan perkampungan ini, maka mereka itu tidak boleh memiliki rumah baru itu; tetapi dibenarkan menyewa rumah-rumah teres (yang berbentuk (c)). Mereka ini dikenakan sewa setiap bulan untuk selamanya.

Oleh kerana kedudukan Kampung Sungai Pinang ini yang berhampiran dengan pusat bandar maka segala kemudahan asas seperti air, letrik dan perkhidmatan awam mudah terdapat di sini. Pasar adalah berhampiran, tetapi selalunya suri-suri rumah tertumpu di pasar longgok di hujung Jalan Maqbul kerana lebih dekat dan murah. Keperluan-keperluan hiburan boleh didapati di pusat bandar manakala tempat-tempat pendidikan iaitu

sekolah-sekolah dan yayasan swasta juga tertumpu di bandar. Justru itulah didapati penduduk "India Muslim" di kampung ini terutama sekali kaum belia mempunyai cara pergaulan yang bebas dan moden jika dibandingkan dengan kaum belia "India Muslim" di desa-desa.

Bentuk keluarga bagi masyarakat ini di Kampung Sungai Pinang pada majoritinya adalah terdiri dari "keluarga asas" (nuclear family) dan "keluarga besar" atau extended family. "Keluarga asas" ini terdiri dari ayah, ibu dan anak-anak; manakala "keluarga besar" pula terdiri dari ayah, ibu, anak-anak, datuk nenek, menantu dan juga cucu cicit jika ada. Di dalam sesebuah keluarga asas itu pula terdiri dari jumlah yang ramai iaitu antara enam hingga limabelas orang. Sudah menjadi tradisi bagi masyarakat ini mempunyai anak yang ramai kerana dapat diharapkan untuk menjamin masa depan mereka bila tua kelak.

Di dalam sesebuah keluarga itu selalunya ketua rumah yang terdiri dari bapa, datuk ataupun anak lelaki yang tua bekerja mencari nafkah. Isteri-isteri tidak digalakkan untuk bekerja, kalau adupun hanya sebagai penjual kuih ataupun mengambil upah menjahit pakaian dan monbasuh ataupun menjadi babu di rumah-rumah yang berdekatan.

Dari segi corak pekerjaannya didapati ada perbezaan diantara sepuluh tahun yang lalu dengan keadaan dewasa ini. Di suatu masa dulu, penduduk di kampung ini bekerja sebagai nelayan menangkap ikan dan ketam. Manakala bagi orang-orang "India Muslim" lebih menumpukan pada perniagaan dan menjadi buruh-buruh di pelabuhan. Tetapi, akibat dari peredaran massa, kawasan perkampungan ini telah diterokai oleh kilang-kilang. Perusahaan kilang-kilang seperti sedin, udang kering, kicap, besi,

kasut dan lain-lain itu telah membuka peluang-peluang kepada penduduk di kampung ini. Selanjutnya akan dibincangkan dalam bahagian ekonomi kelak.

#### 3.4 Politik dan Pentadbiran

Kampung Sungai Pinang ini ditaibir oleh sebuah jawatankuasa khas yang dikenali sebagai "Jawatankuasa Lembaga Khairat Kampung Sungai Pinang" dimana pengurusinya terdiri dari seorang Melayu. Jawatankuasa ini diselenggarakan oleh Jabatan Ugama Negeri dan di bawah naungan serta tauliah Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong.

Susunan Jawatankuasa ini bersesuaian dengan kesembilan kawasan kampung itu sendiri; maka dengan itu tiap-tiap satu kawasan A, B, C, D, E, F, G, H dan I itu akan dilantik seorang wakil kedalam Jawatankuasa Khairat. Pemilihan wakil-wakil ini dibuat dalam satu perjumpaan khas oleh penduduk di tiap-tiap kawasan itu. Mereka juga akan melantik jawatankuasa kecil yang terdiri tidak lebih dari 25 orang dan tidak kurang dari 10 orang. Oleh kerana penduduk di sini majoritinya dari "India Muslim" maka tidak hairanlah jika didapati kebanyakan dari ahli-ahli Jawatankuasa Khairat ini juga terdiri dari kaum "India Muslim".

Selain dari itu terdapat sebuah lagi jawatankuasa yang bertindak untuk mengendalikan urusan keugamaan dan perjalanan masjid, dan dikenali "Jawatankuasa Masjid". Jawatankuasa Masjid ini terbahagi dua bahagian bersesuaian dengan terdapatnya dua buah masjid di kampung ini iaitu Masjid Maqbul dan Masjid Sungai Pinang. Ahli Jawatankuasa Masjid ini terdiri dari

pegawai-pegawai Masjid yang telah ditauliahkan seperti Imam, bilal, khatib dan nasar-nasar. Mereka ini merupakan ahli jawatankuasa tetap.

Diantara tugas jawatankuasa ini ialah:-

1. Mengembangkan syariah ugama Islam.
2. Menyatupadukan umat Islam dan masyarakat kampung seluruhnya.
3. Menjaga kesopanan anak-anak khairat dalam hal-hal yang berkenaan dengan ugama dan kemasyarakatan.
4. Bertanggungjawab menjaga mesjid dan harta-harta wakaf.
5. Mengawal syarahan-syarahan ugama yang tidak menyeleweng.
6. Mensambahkan lagi taraf hidup dan ekonomi ahli-ahli.
7. Tiap-tiap seorang anak khairat yang meninggal dunia akan dapat hadiah iaitu

\$50/- untuk seorang dewasa

\$25/- untuk kanak-kanak

Wang ini adalah hasil kutipan dari ketua-ketua kawasan tadi dan juga sedekah orang-orang yang ke mesjid.

Parti politik yang berkuasa di kampung ini ialah Barisan Nasional dimana wakil rakyatnya terdiri dari seorang China, Dulu, parti politik di sini ialah Gerakan tetapi pada pilihanraya tahun 1974, parti ini telah turut bergabung dengan pertubuhan UMNO, PAS, MIC, MCA dan GERAKAN membentuk BARISAN NASIONAL. Parti Pembangkang juga terdayat iaitu dari Parti Pakemas dan Parti Bebas yang diketuai oleh "India Muslim".

Mla ditinjau sejauhmana masyarakat-masyarakat "India Muslim" di kampung ini bergiat di dalam politik Malaysia, didapati lebih kurang

80% dari penduduk di sini menaruh penuh keyakinan kepada Barisan Nasional. Bila ditanya mereka menegaskan bahawa; pertubuhan ini adalah sebuah pertubuhan yang seujarnya memerintah, kerana ia hanya boleh menjamin semua bangsa hidup bersefahaman dan membangun dalam ekonomi serta sosial. Pernah suatu ketika penulis berhadapan dengan seorang ayah yang memarahi anaknya kerana tidak lagi mendaftarkan nama sebagai pengundi. Ini boleh menunjukkan bagaimana mereka mengambil berat dengan pentadbiran dan perkembangan politik di Malaysia ini.

Jadual 5

Kemperlihatkan jumlah keanggotaan dalam parti-parti tertentu di tempat kajian

Bil.	Nama Parti	Jumlah Anggota
1.	UMNO	58
2.	PAS	10
3.	GERAKAN	25
4.	BEBAS	8
5.	Berkecuali	30
J U M L A H :		131

Dari jadual 5 di atas menunjukkan kecenderungan masyarakat ini di dalam politik tanahair. Jumlah ini merangkumi lelaki dan wanita tetapi majoriti darinya adalah lelaki, kerana wanita tidak begitu bergiat dalam politik kerana tidak minat menurut mereka sendiri.

Selain daripada pertubuhan parti politik tadi, terdapat juga pertubuhan-pertubuhan lain yang bergerak cergas dalam bidang sosial, dan kebudayaan. Pertubuhan ini merangkumi pergerakan belia dan juga wanita.

Pertubuhan sosial yang mula-mula ditubuhkan ialah "Persatuan Baharul Alem" 1912 tertubuhnya di Kampung Bakau tetapi sejak 1931 dipindahkan ke Kampung Sungai Pinang. Kelab Baharul Alem ini bergiat cergas dalam hal-hal sosial, sukan, kebajikan seperti kebulayaan, kematian dan perkahwinan. Yuran bagi seorang ahli ialah 50 s sebulan. Kelab ini merupakan yang tertua di Pulau Pinang dan masih aktif dalam "Persatuan Bolasepak Pulau Pinang". Selain dari itu terdapat persatuan "Sahabat Setia" yang dipercuryai tidak diiktiraf oleh Jawatankuasa Khairat Kampung kerana mereka tidak didaftarkan lagi kedalam persatuan-persatuan yang sah dan berdaftar.

Pertubuhan Belia juga terdapat yang dimonopoli oleh kaum "India Muslim". Pertubuhan ini pada suatu ketika dulu amat aktif dalam soal-soal kesenian, kebulayaan, aktiviti masyarakat, kebajikan, pendidikan hingga pernah dipilih sebagai Johan Boria dalam acara "Denlang Rakyat" terbitan Radio Talivisyen Malaysia. Tetapi, dewasa ini pergerakan itu mulai malap kerana kelemahan pucuk pimpinan. Kelemahan ini adalah kerana ahli-ahli jawatankuasa yang baru tidak pandai mengendalikan pertubuhan sebagaimana ahli jawatankuasa yang lama bergiat dulu.

Di dalam pergerakan wanita pula didapati pergerakan Wanita UMNO dan WI (Women Institution) Kampung Sungai Pinang sentiasa bergiat cergas. Di dalam pertubuhan Wanita UMNO ini dikatakan mempunyai ahli biasa seramai anggaran 700 orang dimana majoritinya dari orang-orang "India Muslim". Ahli jawatankuasanya seramai 15 orang; dimana 10 orang darinya adalah dari "India Muslim", manakala 5 orang lagi dari keturunan Melayu dan juga Arab, lihat jadual 6.

Jadual 6  
Penglibatan Wanita didalam Pergerakan Wanita UMNO  
Kampung Sungai Pinang

Kedudukan Ahli	Bangsa	Jumlah
Ahli biasa:	(a) India Muslim	600
	(b) Lain-lain	100
Ahli jawatan-kuasa:	(a) India Muslim	10
	(b) Melayu	3
	(c) Keturunan Arab	2

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pergerakan Wanita UMNO ini lebih kepada soal-soal politik kerana ia adalah cawangan dari Pertubuhan UMNO Pusat. Kutipan derma sebanyak \$1.00 sebulan dikenakan sebagai tabung pergerakan dan juga untuk acara-acara mengejut seperti derma kematian ahli ataupun anak-anak ahli dan lain-lain. Di dalam acara keugamaan seperti Majlis Maulid, Musabaqah Al-Quran dan juga perayaan-perayaan seperti Hari Raya, Hari Kebangsaan, Hari Wanita dan lain-lain maka pergerakan wanita ini akan bergiat sebagai penyelenggara kepada upacara-upacara tadi, iaitu sebagai penghias, penyambut tetamu dan soal makanan minuman. Dalam kerja-kerja anal juga dilakukan iaitu melalui pesta ria, lawatan-lawatan dan pameran-pameran kerjatangan yang boleh menambahkan lagi tabung kewangan persatuan itu sendiri; disamping untuk meninggikan lagi taraf ekonomi ahli-ahli yang terlibat.

Walau bagaimanapun, di dalam soal-soal kewanitaan dan urusan rumah tangga serta keluarga, didapati pergerakan wanita adalah lebih

mewujudkan peranan yang penting daripada wanita UMNO tadi. Pergerakan Wanita (W) ini sering mengadakan kelas-kelas memasak, menjahit, mengubah disamping kelas-kelas ugama dan kanak-kanak (Tadika) untuk ahli-ahlinya. Perlu ditegaskan, di dalam Pergerakan Wanita ini sama juga dengan Wanita UMNO dimana majoriti dari ahli-ahlinya terdiri dari bangsa "India Muslim".

And telah begitu di bawah kawasan ini pernah berlangsung persidangan seperti 3.5 Economis buat, silang burung, kincap dan lain-lain. Untuk kerja di

Satu kenyataan umum tentang komuniti "India Muslim" ini baik di Pulau Pinang atau di lain-lain kawasan Malaysia; bahawa aktiviti ekonomi mereka yang utama sekali ialah perniagaan. Perniagaan ini boleh merupakan dalam bidang yang besar ataupun secara kecil-kecilan sahaja. Namun begitu, bagi komuniti "India Muslim" di Kampung Sungai Pinang ini telahpun mempunyai variasi-variasi pekerjaan mengikut kebolehan, pelajaran dan kemahiran seseorang itu. Variasi ini terdiri dari golongan peniaga sendirian atau bekerja dengan swasta, kakitangan kerajaan atau badan-badan berkanun dan juga yang menganggor.

Jadual 7

Aktiviti ekonomi orang-orang India Muslim di Tempat Kajian

Aktiviti Ekonomi	Bilangan	Peratus
Division satu (pegawai-pegawai)	30	5%
Guru-guru	60	10%
Pekerja kilang	150	25%
Buruh(dipelabuhan dll.)	240	40%
Jabatan Kerajaan (Kerani dll.)	120	20%
<b>J U M L A H</b>	<b>600</b>	<b>100%</b>

Dari jadual 7 tadi dapat dilihat bahawa seramai 600 orang yang bekerja di kampung ini majoriti dari corak pekerjaan adalah sebagai buruh (40%). Buruh ini adalah pekerja-pekerja di pelabuhan dan di pejabat-pejabat kerajaan sebagai pekerja kurang mahir. Manakala pekerja kilang menduduki tempat kedua seramai 25%. Ini adalah kerana di kampung ini telah banyak dibuka kawasan-kawasan perusahaan perkilangan seperti kilang besi, kasut, udang kering, kicap dan lain-lain. Tenaga kerja di kilang ini selalunya majoriti adalah dari kaum wanita belia yang berpendidikan setakat menengah rendah sahaja.

Pekerjaan di Jabatan Kerajaan terdiri dari kerja-kerja kerani, pembantu pejabat, jurukira, jurutaip dan lain-lain. Ini khusus kepada gelongan muda yang berpelajaran agak baik dari yang bekerja di kilang tadi. Dalam satu pertemuan dan perbualan penulis dengan seorang gadis "India Muslim" yang mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran (STP / HSC) tetapi masih menganggor, penulis telah bertanyakan kenapa beliau masih belum mempunyai pekerjaan yang tetap dan agak baik berdasarkan dari sijil beliau itu. Beliau telah menegaskan bahawa beliau menunggu pekerjaan dari pihak kerajaan. Dari jawapan ini jelaslah pada penulis bahawa sikap mengharap kerja makangaji juga terdapat dikalangan komuniti ini walaupun satu kenyataan umum dapat diterima yang mereka itu lebih giat dalam perniagaan.

Dalam "division satu" terdiri dari pegawai-pegawai tadbir, peniaga cara besar-besaran dan juga pekerja mahir seperti accountants, technicians, dan lain-lain. Mereka ini selalunya mempunyai kelulusan yang tinggi dari institusi-institusi tertentu samada dari dalam ataupun

luar negeri. Manakala bagi golongan guru-guru pula, majoritinya terdiri dari kaum wanita yang berkelulusan dari Maktab-Maktab Perguruan dan juga yang memiliki diploma dari universiti-universiti tempatan seperti Universiti Malaya dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia.

Namang tidak dinafikan, bahawa, disamping penduduk yang bekerja itu terdapat segolongan lagi yang menganggor kerana sebab-sebab tertentu. Mereka ini boleh terdiri dari golongan jennerasi tua yang telahpun bersara dari pekerjaan lama mereka. Disampingnya terdapat juga golongan jennerasi muda yang layak untuk bekerja tetapi masih menganggor. Mereka ini tidak bekerja kerana tidak ada peluang pekerjaan yang bersetujuan dengan kehendak mereka dan juga kerana ada pekerjaan tetapi mereka pula yang tidak berkelayakan. Ini boleh disebabkan yang mereka itu bersekolah setakat darjah rendah saja ataupun yang butuhrif langsung.

Hasil daripada kajian ini, seterusnya menunjukkan bahawa dari segi aktiviti ekonomi yang dilakukan, penglibatan mereka adalah lebih luas daripada yang disangkakan. Mereka telah menceburkan diri dalam semua peluang pekerjaan yang ada, setimpal mengikut kebolehan masing-masing. Walaupun hampir separuh terlibat dalam perniagaan, dia juga diantara mereka yang bekerja dengan kerajaan atau badan-badan berkanun. Ini jelas membuktikan bahawa mereka juga sama seperti golongan-golongan lain, diberi peluang yang sama untuk memegang mana-mana jawatan seliranya ada kebolehan atau kelejukan.

Pada keseluruhannya, memang tidak dapat dinafikan bahawa dorongan utama komuniti ini adalah lebih kepada bekerja sendiri terutama dalam

perniagaan. Oleh sebab itulah penulis dapat bawa mereka itu, selepas komuniti China, lebih berjaya daripada orang-orang Melayu sendiri dalam perniagaan. Ini jelas dilihat betapa banyaknya kedai-kedai besar yang dimiliki oleh "Indian Muslim" ini sama hebatnya dengan kedai kepunyaan China di sepanjang pusat-pusat membeli-belah di bandaraya Pulau Pinang itu.

Dalam aspek ekonomi ini juga, akan membincangkan keduulukan kewangan satu-satu keluarga komuniti "India Muslim" ini. Struktur kewangan ini meliputi aspek pendapatan, perbelanjaan dan simpanan. Keseluruhannya, penulis dapat komuniti ini di Kampung Sungai Pinang mempunyai keduulukan ekonomi yang agak sederhana memuaskan. Ini mungkin disebabkan oleh perubahan masa dahulu dan sekarang. Naksudnya ialah, sekiranya dahulu, satu keluarga itu ditanggung oleh satu tenaga saja, siayah misalnya, tetapi kini, apabila anak-anak telah dewasa dan turut bekerja, maka mereka turut sama membantu kehidupan ekonomi keluarga supaya lebih terjamin.

Untuk mendapatkan data-data mengenai pendapatan dan perbelanjaan ini agak sukar kerana mereka tidak dapat memberi kiraan yang tepat, segala-galanya berdasarkan anggaran saja. Walaupun bagaimanapun, ini semua adalah berlandaskan kepada corak pekerjaan seseorang itu. Jika ia seorang yang mempunyai pekerjaan yang tetap dalam division satu atau dua maka banyaklah pendapatannya dan sebaliknya. Cuma, bagi kalangan yang berniaga saja yang sukar untuk ditetapkan hitungan pendapatan mereka kerana tidak tetap dan sentiasa mengikut keadaan perniagaan itu sendiri.

Seterusnya, dalam bahagian perbelanjaan pula didapati adalah

bergantung kepada pendapatan keluarga itu. Perbelanjaan ini termasuklah untuk keperluan dapur (makanan), perbelanjaan anak-anak ke sekolah, perubatan dan juga hiburan. Oleh kerana majoriti penduduk Kampung Sungai Pinang ini mempunyai pendapatan yang sederhana, didapati perbelanjaan mereka juga sederhana. Boleh dikatakan di setiap rumah keluarga "India Muslim" ini mampu mempunyai pencuci pakaian ataupun babau dapur (servant). Ini menunjukkan kemampuan mereka ditambah lagi bila suri rumah itu sendiri sudah tidak berkeupayaan lagi (sakit, tua dan lain-lain). Sungguhpun begitu, tidak dinafikan ada juga kaum ibu yang terpaksa bertungkus lumus mengurus rumah kerana tidak mampu memiliki pembantu rumah.

Dalam perbelanjaan ini, sebahagian dari pendapatan mereka ditumpukan untuk tujuan yang bersangkutan dengan hal makanan sehari-hari seperti perbelanjaan dapur, perbelanjaan pasar dan runcit. Ini semua menelan belanja lebih kurang \$7.00 sehari. Perbelanjaan pengangkutan untuk anak-anak hanya dikeluarikan sebulan sekali iaitu untuk membayar sewa Bas Sekolah yang disewa untuk tujuan menghantar dan mengambil anak-anak mereka dari sekolah. Dianggarkan purata perbelanjaan itu cuma \$30.00 sebulan. Walau bagaimanapun, ini bergantung pada bilangan anak-anak yang bersekolah. Ma juga kedapatan yang anak-anak itu pergi ke sekolah dengan berbasikal atau berjalan kaki sahaja bergantung pada kedudukan sekolah itu sanada jauh atau dekat. Purata perbelanjaan hal ehwal persekolahan anak-anak termasuk "uniform", alatan tulis menulis dan buku bacaannya sebulan anggaran \$10.00 - \$15.00 seorang dan ini tidak termasuk wang pengangkutan tadi.

beberapa kebutuhan dalam rumah tangga dan bagitu

Jadual 8

diminati sekali. Kadar perbelanjaan sebuah keluarga yang sederhana selama sebulan

Bilangan	Perkara	Perbelanjaan
1.	Barangan dapur dan runcit	\$125.00
2.	Barangan pasar	\$ 70.00
3.	Tambang bas sekolah	\$ 30.00
4.	Perbelanjaan sekolah	\$ 20.00
5.	Ubatan	\$ 10.00
6.	Hiburan & Langganan akhbar	\$ 30.00
J U M L A H		\$285.00

Bagi golongan Dari segi perbelanjaan untuk alatan keperluan dan perhiasan rumah mereka adalah juga berdasarkan corak pendapatan, tetapi yang nyata ialah mereka ini sentiasa menurut perkembangan zaman. Dari perhatian penulis, boleh dikatakan setiap rumah memiliki poti talivisyen, poti sejuk, dapur gas, kerusi set, motorsikal, kerusi set atau kereta dan lain-lain barang mewah. Mereka berkeupayaan memiliki ini semua semula melalui bayaran tunai bagi yang mampu ataupun secara ansuran bagi golongan yang kedua puluh, iaitu golongan belia, mereka bulanan bagi yang kurang mampu, ini tidak lagi gemar tinggal di rumah. Mereka telah mulai mencari pekerjaan di Jenerasi muda pula, didapati banyak membelanjakan wang atau pendapatan mereka ke arah hiburan-hiburan dan perkembangan fesyen dan pakaiian bagi wanitanya. Satu hiburan yang common sekali bagi masyarakat "India Muslim" ini ialah menonton wayang gambar Hindustan. Terdapat lagi,

beberapa keistimewaan dalam filem Hindi yang membuatkan ia begitu diminati sekali, antaranya:

1. Watak hero dan heroin yang tampan dan cantik.
2. Lagu-lagu yang merdu dan menghayalkan penuntun.
3. Pemandangan yang indah dan menarik.

Contohnya: pernah terjadi sebuah filem Hindi berjodol "Hatee, Mere Sattee" yang diulang tayangannya sehingga enam bulan semata-mata kerana ramainya penuntun.

Berhubung dengan ini juga penulis telah cuba melihat sejauhmanakah kaum wanita "India Muslim" memainkan peranan mereka dalam ekonomi.

Penulis telah membahagikan peranan ini kepada dua kategori berdasarkan umur iaitu golongan wanita dewasa (tua) dan golongan belia (muda).

Bagi golongan tua, didapati mereka ini umumnya adalah suri rumah tangga yang sepenuh masanya tertumpu untuk menguruskan hal-hal keluarga di rumah. Mereka ini menyerahkan segala urusan mencari nafkah kepada suami. Minat untuk bekerja tidak terdapat dalam golongan ini. Tetapi terkecuali bagi wanita tua yang tinggal di desa-desa yang sering kesem-pitan wang untuk perbelanjaan keluarga.

Bagi golongan yang kedua pula, iaitu golongan belia, mereka ini tidak lagi gemar tinggal di rumah. Mereka telah mulai mencari pekerjaan di luar secara persendirian. Justru itu kilang menjadi tumpuan utama bagi gadis-gadis yang mempunyai pelajaran setakat menengah rendah misalnya. Tetapi, bagi gadis-gadis yang mempunyai tingkat pelajaran yang agak baik dan tinggi seperti di institusi-institusi pengajian tinggi,

maktab-maktab perguruan didapati mereka ini berpeluang untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik seperti guru, kerani, pegawai dan lain-lain. Tegasnya di dalam golongan muda ini, mereka bekerja bukannya semata-mata untuk menampung perbelanjaan keluarga tetapi juga untuk mencari wang sendiri; kebebasan sendiri disamping memangnya mempunyai kelayakan-kelayakan untuk bekerja.

Secara keseluruhannya, wanita di dalam komuniti "India Muslim" ini tidak begitu aktif di dalam ekonomi. Mereka lebih banyak mempunyai masa mereka terhadap urusan-urusan rumah tangga terkecuali bagi jenarasi muda sahaja yang mulai mementingkan pekerjaan kerana peluang-peluang dan luasnya pengaruh pendidikan yang telah mereka terima.

Aspek jenarasi tua yang masih mengambil bahagia sahaja mereka, tetapi pengaruhnya terhadap kehidupan mereka merdu.

Pengaruh bahagian ini berlaku sejak hidupan mereka sejak dilahirkan dan mengambil alih tanah di atas. Dulu diketahui makabut, pemproses pertanian, perdagangan dan pertukaran. Makabut perdagangan, didapati mereka berdagang di perbatasan Negeri, jadi dari menjual tanah jadinya sebaik bahagian pengaruh yang digunakan oleh penduduk tempatan masih dipelihara. Makabut makabut pengaruh dan perkembangan politik adalah topik sebuti jiran dibentuk yang Bahaua Negeri ini. Begitulah menjalani proses integrasi A.S. Namun begitu, makabut ditengah-tengah di sini bahagian lagak bahagian Negeri mereka adalah lagak wira dan bekalan berupaya "bahaua pialang". Justru itulah bahagian ini ketika dikenali sebagai "Rajau Negeri".<sup>(1)</sup>

(1) Rajau Negeri merupakan lagak wira dari kaum perusahaan yang dilahirkan dengan berkembangnya perbelanjaan-pembelian Negeri dan juga unsur ekonomi setelah dalam bentuk "Makabut" orang Zaili.

### Analisa Tentang Unsur-Unsur Budaya "India Muslim"

#### 4.1 Bahasa dan Pendidikan

Pada keseluruhannya didapati masyarakat "India Muslim" ini menggunakan Bahasa Melayu loghat utara (Pulau Pinang) dalam pertuturan mereka sehari-hari, baik dalam perhubungan dengan keluarga, maupun dengan bangsa-bangsa lain. Ini membuktikan kekuatan integrasi dan assimilasi mereka kedalam masyarakat Melayu sehingga kedapatannya dari jenerasi-jenerasi muda mereka ini yang tidak mengerti langsung Bahasa Tamil iaitu bahasa asal mereka. Namun begitu, kedapatannya juga segalintir dari jenerasi tua yang masih mengamalkan bahasa asal mereka, tetapi penggunaan terhad dikalangan sesama mereka sahaja.

Penerimaan Bahasa Melayu ini bermula sejak kedatangan nenek moyang mereka dulu berdagang di sini. Ianya diresapi melalui proses-proses perdagangan, pergaulan dan perkahwinan. Melalui perdagangan, didapati mereka berdagang di perkampungan Melayu, jadi demi menjayakan hasil jualannya maka bahasa pengantar yang digunakan oleh penduduk tempatan mestilah dipelajari. Manakala melalui pergaulan dan perkahwinan pula adalah tepat sekali jika dikatakan yang Bahasa Melayu ini higuitu mudah menjalani proses integrasi itu. Namun begitu, haruslah ditegaskan di sini bahawa loghat bahasa Melayu mereka adalah loghat utara dan bukannya merupakan "Bahasa standard", justru itulah bahasa ini lebih dikenali sebagai "Bahasa Namak".<sup>(1)</sup>

(1) Bahasa Namak merujuk kepada satu cara percakan yang dilahirkan dengan kombinasi perkataan-perkataan Melayu dan gaya serta antonasi sebutan dalam bentuk "dialect" orang Tamil.

Oleh kerana bentuk keluarga orang-orang "India Muslim" ini terdiri dari dua jenis iaitu "India Muslim" dan Jawi Peranakan. Mereka juga dapat dikategorikan kepada dua iaitu:-

1. "India Muslim". Yang terdiri dari kedua-dua suami isteri itu berbangsa "India Muslim", maka bahasa pengantar di rumah adalah Bahasa Tamil disamping Bahasa Melayu utara.

2. Jawi Peranakan. Yang terdiri dari suami berbangsa "India Muslim" dan isteri berbangsa Melayu, maka bahasa pengantar di rumah adalah Bahasa Melayu loghat India (Bahasa Mamak) disamping Bahasa Inggeris.

Begitu juga di tempat kerja; ini bergantung pada keadaan dan situasi rakan sepekerjaan dengan mereka. Kalau sesama mereka itu berasal dari bangsa India Jati yang telah memeluk ugama Islam maka Bahasa Tamil akan digunakan. Walaupun ada terdapatnya campuran bahasa seperti Bahasa Melayu, India dan Inggeris yang dipertuturkan namun jelas bahawa "Bahasa Mamak" paling ketara kedengaran.

Bahasa pergaulan di luar rumah mereka pula samada dengan jiran yang hampir sekali ataupun jauh adalah "Bahasa Mamak" tadi. Bagi anak-anak mereka, bahasa dalam pergaulan bercampur aduk diantara "Bahasa Mamak" dengan Bahasa Inggeris, tidak kira samada teman itu orang Melayu, China atau "India Muslim" juga. Ini mungkin kerana pengaruh didikan yang mereka terima di institusi-institusi pelajaran.

Dalam membincangkan kedudukan bahasa asal mereka, penulis sempat

bertanya pandangan-pandangan mereka mengenai kurangnya galakan kepada anak-anak untuk mempelajari bahasa asal mereka. Dan, keseluruhan dari jawapan yang diberikan sependapat bahawa; Bahasa Melayu itu adalah "bahasa resmi" di negara ini, jadi sebagai warganegara yang taat pada pemerintahan negara ini, mereka mestilah mengutamakan bahasa resmi ini dari bahasa-bahasa lain walaupun bahasa asal mereka sendiri.

Seterusnya dilihatkan beberapa aspek "Bahasa Namak" ini dari segi nama-nama, sebutan bunyi, terminologi dan hybrid words.

Dari segi nama; didapati selalunya nama-nama yang diikuti dengan "Bee" itu merupakan nama-nama "India Muslim". Contohnya: Khairon Bee, Hajar Bee, Kalsom Bee, Chom Bee, Beejan Johara Bee dan lain-lain (ini untuk wanita). Manakala nama-nama lelaki seperti Sheikh, Said, Mydin, Balcha, Merican dan lain-lain. Kadang-kadang terdapat pula situasi dimana nama lelaki itu bila ditambah dengan perkataan "Bee" maka ia bermakna nama seorang perempuan. Ini seakan-akan dengan perkataan Mr. dan Mrs. dalam bahasa Inggeris. Contoh: nama suami, Johari, maka nama isteri ketika diperkenalkan sebagai Johari Bee.

Dari segi nama juga, tidak lagi diamalkan konsep "anak lelaki kepada" atau "anak perempuan kepada" (son of, daughter of) seperti yang diamalkan oleh orang-orang India. Tetapi, telah digunakan sistem pengenalaman seperti orang-orang Melayu juga iaitu bin dan binti. Contoh: Siti Hajar binti Said Ahmad, dan bukan lagi Siti Hajar d/o Said Ahmad.

Bahagian "bunyi" pula didapati masyarakat "India Muslim" ini mempunyai sebutan bunyi huruf "r" yang kuat dalam pertuturan mereka,

Contoh: "Tak ada ribu-ribu, jangan rapat anak mummy, nanti reput  
orang anak mummy, jangan hang cuba nak cubit-cubit, hang ingat  
anak mummy ini plastik kah?"<sup>(3)</sup>

Ini merupakan satu ungkapan yang dianggap luou di utara (Pulau Pinang).

Sebagaimana yang dikatakan tadi, "loghat" bahasa Mamek ini mempunyai pengaruh bahasa Tamil, disamping loghat orang Melayu utara. Tetapi, bagi masyarakat yang tinggal di bandar, slang India itu tidaklah setebal sebagaimana di desa-desa. Cara percakapan adalah lebih lembut dan mempunyai nada yang agak panjang serta bila didengar ia bernada kemerasaan. Contoh: cek dah makan .... Tetapi, ini dikalangan jenerasi tua sedangkan dalam jenerasi muda, pertuturan mereka agak cepat dan kasar.

Disamping itu terdapat sedikit perbezaan dalam sebutan satu-satu perkataan yang dibandingkan dengan Bahasa Melayu sebenarnya.

Contoh: perkataan kalau disebut kalu

perkataan kemudian disebut belakang.

Satu ungkapan(pantun) yang amat menarik bagi mengidentitikan masyarakat "India Muslim" ini di Pulau Pinang ialah:

"Keling bukan Melayu bukan,  
 itulah dia Jawi Pekan."<sup>(2)</sup>

Dari segi terminologi pula, didapati cara panggilan di dalam masyarakat "India Muslim" berbeza dengan panggilan Orang Melayu. Dalam

(2) Jawi Pekan itu senaksui dengan Jawi Peranakan ataupun "India Muslim".

(3) Sifir Edisi yang ini telah dilihat dalam Appendix "B".  
 \* Ia boleh terdiri dari yang di dalam dan di luar anggaran.

terminologi "India Muslim" mempunyai pengaruh yang kuat cara terminologi orang India. Contohnya: kakak dipanggil aci, abang dipanggil nana.<sup>(3)</sup> Tidak ada perbezaan didalam penggilan kakak atau abang diperingkat umur seperti yang terdapat dalam masyarakat Melayu yang ada gelaran Kak Long, Abang Ngah, Kak Cik dan lain-lain. Mereka hanya memanggil seperti Aci Hajar (nama) atau Nana Habib (nama). (Peringkat umur tidak menentukan terminologi seseorang itu).

Dalam konsep hybrid words pula didapati banyak terdapat dalam aspek-aspek perayaan (ritual), undang-undang dan upacara mahkamah. Hybrid words ialah perkataan-perkataan asal sesuatu bangsa yang masih digunakan malah diserap pula kedalam bahasa bangsa yang menerima integrasi dan assimilasi itu. Di sini, dimaksudkan kepada bahasa India yang digunakan dalam pertuturan "India Muslim" malah dalam daftar perkataan-perkataan orang Melayu juga. Contoh: sami, buku, singa, mangga dan lain-lain.<sup>(4)</sup>

Jadual 9

Pendidikan anak-anak "India Muslim" di tempat kajian

Bilangan	Tingkat Persekolahan	Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
1.	Peringkat Rendah	30	17	47
2.	Peringkat Menengah	28	20	48
3.	Institusi Pengajian Tinggi spt. maktab dan universiti	4	2	6
		Jumlah Utama		101

- (3) Daftar terminologi ini boleh dilihat dalam Appendix 'A'.  
 (4) Daftar Hybrid Words ini boleh dilihat dalam Appendix 'B'.  
 \* Ini boleh terdiri dari yang di dalam dan di luar negeri.

Dari jadual 9 dapat dikatakan <sup>kun</sup> kedudukan taraf pendidikan anak-anak "India Muslim" di sini agak menuaskan. Ini bermakna, setiap ibubapa mementingkan tanggungjawab pendidikan demimengjamin masa depan anak-anak mereka. Anak-anak diberi didikan yang sempurna baik di luar maupun di dalam rumah. Di peringkat sekolah, kebanyakannya dari anak-anak ini dihantar ke sekolah aliran Melayu disamping aliran Inggeris, hanya seorang sahaja yang pernah dihantar ke sekolah rendah aliran Tamil sepanjang yang ditemui oleh penulis.

Boleh dikatakan bilangan anak-anak yang bersekolah lebih ramai lelaki dari perempuan; ini mungkin disebabkan oleh "fahaman" lelaki sebagai pencari nafkah dan perempuan sebagai suri rumah tangga. Dalam institusi pengajian tinggi pula didapati seramai enam orang sedang dan telah menerima didikan di maktab-maktab perguruan, teknik maupun universiti. Terdapat seorang darinya yang kini sedang menuntut di Amerika Syarikat. Pengajian ke luar negeri ini adalah diatas biasiswa kerajaan, dan perbelanjaan sendiri bagi yang berkemampuan.

Keseluruhannya, didapati bahawa setiap anak-anak ini telah diasuh untuk menerima didikan yang sempurna. Tidak timbul masalah buta huruf di sini, kerana walaupun kemungkinan seseorang itu tidak tahu membaca dan menulis tulisan rumi tetapi mahir dalam membaca dan menulis tulisan Jawi. Jadi, mereka ini bukanlah buta huruf namanya. Keadaan ini disebabkan oleh timbulnya faham keugamaan yang kukuh dikalangan masyarakat ini. Setiap anak itu sejak kecil lagi telah dihantar ke institusi yang khusus mengajar ugama dan lain-lain aspek tentang Islam.

Seterusnya, penulis ingin mengaitkan tingkat pelajaran yang dicapai oleh seseorang itu dengan pekerjaan yang dipegangnya. Telah didapati, bagi mereka yang tidak bersekolah atau bersekolah hanya di peringkat rendah sahaja, mereka biasanya melakukan pekerjaan-pekerjaan sebagai penjaja, pelayan kedai-kedai makan dan juga buruh. Bagi mereka yang berjaya belajar hingga ke peringkat menengah, ada juga yang telah bekerja dengan kerajaan sebagai guru atau pelatih juruteknik ataupun penolong kedai disamping gadis-gadisnya yang gemar bekerja di kilang-kilang. Tetapi; bagi yang telah berjaya ke peringkat tinggi seperti universiti dan maktab, maka senestinyalah mereka ini mempunyai pelajaran yang agak lumayan juga seperti guru berijazah, doktor, pentadbir, jurukira dan sebagainya.

#### 4.2 Kepercayaan, Uzama dan Perayaan-Perayaan Penting:

Dari segi ugama, masyarakat "India Muslim" ini sama seperti masyarakat Islam yang lain, tergolong kedalam beberapa mashab-mashab tertentu.<sup>(5)</sup> Tetapi, di Kampung Sungai Pinang ini, majoriti dari penduduknya bermashab Shafie' semata orang Melayu ataupun "India Muslim". Ini berbesa dengan orang-orang "India Muslim" di tempat lain seperti di Kuala Lumpur yang bermashab Hanafi dan Maliki disamping Shafie'.

Satu hal yang ketara bagi masyarakat ini, mereka merupakan pengikut ugama Islam yang patuh menjalankan segala ibadat Islam. Anak-anak mereka sejak pandai belajar dan bercakap lagi telah dididik dengan

(5) Islam merupakan satu ugama yang terdiri dari empat mashab utama yang disebabkan oleh pemahaman dan interpretasi para ulama yang berlainan tentang satu-satu hukum. Ada empat mashab, iaitu Shafie (yang besar), Hembali, Maliki dan Hanafi. Orang-orang Melayu adalah bermashab Shafie'.

Islam. Mereka ini dihantar mengaji dan belajar ugama di tempat-tempat tertentu yang ada guru khas untuk mengajarnya. Untuk mempastikan yang ajaran ugama ini sempurna diterima, maka ibubapa akan membentuk sistem tertentu yang dipatuhi oleh anak-anak mereka. Antaranya, jika sianak itu bersekolah pagi, maka di sebelah petangnya mereka belajar ugama dan begitulah sebaliknya.

Mesjid menjadi tumpuan mereka untuk bersembahyang berjenah (beramai-ramai). Di sinilah integrasi orang-orang "India Muslim" ini mudah dilaksanakan, kerana di mesjid setiap orang itu sama; orang Melayu dan orang "India Muslim" ini saling bermesra dan bertukar-tukar pandangan di mesjid. Di tempat ini terdapat dua buah mesjid yang besar iaitu: Mesjid Maqbul dan Mesjid Jame' Sungai Pinang di mana majoriti dari pengunjungnya terdiri dari masyarakat "India Muslim" ini, baik lelaki, mahupun wanita.

Di dalam mengamalkan kepercayaan ugama ini terdapat beberapa acara-acara dan perayaan-perayaan penting yang sering diamalkan oleh mereka ini. Misalnya, di waktu "Hari Safar" didapati ramai dari mereka ini merayakannya dengan meriah, walaupun ianya merupakan satu perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam; tetapi ikutan dari ajaran Hindu semata-mata. Mereka akan berkumpul beramai-ramai dengan membawa bekalan makanan, minuman dan alatan memasak untuk dinikmati di atas Bukit Cendana (disebut Bukit Cenana). Di atas bukit inilah mereka akan berkumpul, dan bertekelah sambil bersanji (menyanyi dengan memuji-muji nama Tuhan) dan juga bacaan doa selamat menolek bala.

Perayaan di waktu "Hari Safar" ini adalah sama dengan yang diamalkan oleh orang-orang Melayu yang terkenal di Tanjung Keling, Melaka. Sebenarnya ia adalah "haran" di dalam agama Islam kerana itu bukanlah ajaran Islam sebaliknya pengaruh dari "kebulayaan Hindu". Tujuan dari masyarakat Hindu yang mandi-manda di Sungai Suci Ganjes kononnya untuk membersihkan diri dari segala dosa. Oleh kerana ianya bertentangan dengan ajaran Islam, maka kerajaan Malaysia telah memberhentikan acara itu dan diganti dengan temasya kebulayaan Daerah (tetapi ini di Melaka sahaja, di Pulau Pinang masih diamalkan).

Selain dari "Hari Safar" ini, mereka juga merayakan satu hari lain dikenali "Hari Asyura" iaitu pada 10 Muharram tahun Hijrah. "Hari Asyura" ini juga dipanggil "Hari Qurbala" iaitu sebagai mengingati peristiwa berdarah pembunuhan Hassan di Bulit Qurbala dalam sejarah kegemilangan Islam di zaman nabi dulu (Sejarah Negeri Arab). Pada hari ini mereka menyediakan sejenis bubur istimewa dipanggil "Bubur Asyura". Bubur ini merupakan campuran dari ramuan-ramuan seperti keledek, kacang hijau, pisang, jagung, kismis dan lain-lain yang manis rasanya. Bubur Asyura ini dihantar ke rumah jiran-jiran pada hari mereka membuatnya itu. Ini dianggap satu amalan baik dan menambahkan reseki pada keluarga yang mengemalkannya. Bagi orang Melayu, ini disebut sebagai "Pengat Asyura".

Selain dari upacara-upacara tadi, mereka juga merekaan saat-saat tertentu yang telah ditetapkan dalam Islam. Antaranya ialah Hari Raya Aidil Fitri, Hari Raya Aidil Adha, Hari Maulud (keputeraan Nabi Muhammad S.A.W.), Hari Isra' dan Mi'raj dan lain-lain lagi. Di dalam

situasi-situasi tadi mereka mengemalkannya dengan penuh dedikasi sama seperti yang dilakukan oleh orang-orang Melayu. Konsep muhibbah dan sejahtera dilakukan melalui saling kunjung mengunjungi dan bekerjasama di semua aspek.

Dalam aspek kepercayaan bomoh yang merupakan cara ubatan tradisi orang-orang Melayu juga diamalkan oleh "India Muslim". Caranya adalah sama; dimana objek-objek tertentu digunakan oleh bomoh-bomoh yang biasanya terdiri dari orang Melayu. Objek-objek itu seperti galing dan tanduk binatang. Mereka memanggil ubatan cara ini sebagai "ubatan bomoh Melayu". Ini adalah satu integrasi kepercayaan dikalangan mereka kedalam nilai-nilai hidup orang-orang Melayu.

Seterusnya dari segi ugama dan kepercayaan ini dapat dilihat konsep hidup bermasyarakat "India Muslim" di tempat ini. Mereka kelihatan sentiasa hidup bekerjasama dan saling mengunjungi antara satu dengan lain, tidak kira dari bangsa apa pun. Contohnya di mesjid, apabila dilaksanakan senbahyang berjemah, berbuka puasa, mendengar ceramah dan usrah (kumpulan perbincangan), serta lain-lain aktiviti amal ibadat, majoritinya adalah dari masyarakat "India Muslim". Dengan ini perpaduan dapat diujukan antara berbilang bangsa di kampung itu. Satu aspek integrasi yang istimewa telah dilaksanakan.

#### 4.3 Adat Resam

Tiap-tiap suku bangsa di dunia ini mempunyai adat resam mereka tersendiri. Adat resam ini pula merangkumi nilai-nilai aktiviti

sesuatu masyarakat itu dari segi benda dan bukan benda. Adat ini meliputi soal-soal perkahwinan, kelahiran, kematian, pakaian dan makanan. Adat resam ini pula ada kalanya boleh berubah-ubah mengikut situasi sesebuah tempat itu, dan juga oleh perubahan zaman. Bagi masyarakat Marginal Ethnic Group seperti "India Muslim" ini mengalami perubahan adat resam melalui proses-proses assimilasi, akulturasi dan integrasi kedalam adat resam masyarakat dominant yang mereka masuki. Sejauhmana assimilasi-integrasi "India Muslim" dalam adat resam Melayu dilaksanakan akan dihuraikan selanjutnya.

#### 4.3.1 Perkahwinan:

Perkahwinan merupakan satu institusi sosial yang mengujukan keluarga dan kekerabatan, dan melaluinya jugalah aspek-aspek sosialisasi dan integrasi itu dapat disalurkan. Dikalangan orang-orang "India Muslim" ini, perkahwinan menjadi faktor yang terkuat sekali dalam soal integrasi hasil dari asal-usul kedatangan mereka ke Nusantara ini lagi, bila mana pedagang-pedagang itu berkahwin dengan wanita-wanita Melayu tempatan.

Di Kampung Sungai Pinang ini, perkahwinan "India Muslim" boleh dilihat dalam beberapa corak, diantaranya: perkahwinan antara "India Muslim" dengan "India Muslim", dengan orang Melayu, China, Aceh, Sumatera, Benggali dan juga orang-orang barat. Sungguhpun begitu, perkahwinan

sesama sendiri lebih diutamakan agar susunan kekerabatan dan pewarisan harta dapat disalurkan dikalangan keluarga sendiri.

Di dalam upacara perkahwinan, didapati segala adat istiadatnya sama dengan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Cuma dalam beberapa aspek tertentu sahaja yang berbeza dimana pewarisan kebudayaan Hindu masih kuat diamalkan. Pengantin lelaki dipanggil "Nepelai" manakala pengantin perempuan disebut "ponu". Justru itulah perkahwinan dalam masyarakat ini dikenali sebagai upacara menyatukan "Nepelai Ponu" (atau pernikahan bagi masyarakat Melayu).

Satu upacara yang boleh membezakan diantara adat mereka ini dengan masyarakat Melayu ialah upacara menuap pisang dengan air susu semasa bersanding. Ini ada persamaannya dengan upacara menuap pulut kuning dengan telur yang diamalkan oleh orang Melayu. Kedua-dua aspek ini walaupun berbeza dari segi bahan yang digunakan tetapi jelas adalah hasil dari assimilasi kebudayaan Hindu, yang dipraktikkan sehingga sekarang ini.

Seperkara lagi yang boleh menjadi bukti perbezaan adat istiadat orang Melayu dengan "India Muslim" walaupun integrasi telah berlaku ialah dalam upacara membatalkan air sembahyang. Ini terdapat dalam istiadat Melayu, upacara ini dipanggil menyarung cincin ke jari manis pengantin perempuan. Tetapi, dikalangan "India Muslim", mereka menggunakan "Rantai Manik Candum" yang dipanggil "Pusundram". Ini adalah satu ikutan dari kebudayaan Hindu dimana rantai itu sama tujuannya dengan cincin di dalam

adat Melayu tadi. "Pusundrem" ini mempunyai beberapa butir ikatan emas yang dibentuk indah dan diikat di tali hitam ataupun rantai emas yang diserikan dengan intan. Bentuk rantai ini bergantung pada status dan prestige bakal suami. Jika lelaki itu dari golongan mewah maka pemberian-nya itu akan lebih berharga dan begitulah disebaliknya. Rantai ini pula tidak boleh dijual, dipinjamkan ataupun digadai walaupun dalam situasi yang memerlukannya. Tetapi, bila berlaku penceraian atau kematian suami, maka rantai ini tidak boleh dipakai lagi, sebagai tanda yang wanita itu sudah menjadi janda. Dan, sekiranya wanita itu ingin berkahwin lagi maka lelaki lain yang bakal menjadi suami barunya itu mesti memberi rantai "Pusundrem" yang lain pula; dan rantai yang lama itu terpulanglah kepada siwanita itu semda hendak terus menyimpannya atau menjualnya dengan syarat tidak boleh dipakai lagi.

Satu aspek yang umum di dalam upacara perkahwinan atau lain-lain pernikahan Melayu ini ialah; kaum wanitanya gemar memakai barang-barang perhiasan diri seperti emas, intan dan berlian secara berlebih-lebihan. Ini dianggap satu hal yang mesti ketika hadir kenduri, kerana sesiapa yang tidak memakai perhiasan diri ini akan dipulusukan di dalam majlis itu.

Keseluruhannya didapati aspek perkahwinan di dalam masyarakat "India Muslim" ini adalah sama seperti yang diamalkan oleh masyarakat Nelayu cuma dari segi item yang digunakan saja berbeza walaupun sebenarnya berlandaskan kebudayaan Hindu semata-mata. Ini menunjukkan satu aspek integrasi yang amat ketara sekali lebih-lebih lagi kerana ugama

Islam telah mengiratkan lagi perhubungan mereka ini di dalam majlis-majlis seperti pertunangan dan perkahwinan itu.

4.3.2 Kelahiran:

Aspek kelahiran menunjukkan satu keadaan yang telah menerima integrasi budaya Melayu sepenuhnya. "India Muslim" ini mengamalkan istiadat-istiadat yang sama dalam masyarakat Melayu seperti upacara "melenggang perut" terutama bagi ibu-ibu muda yang mengandung sulung. Selain dari itu diamalkan juga upacara menyambut kelahiran bayi yang disertai dengan majlis kenduri dan doa selamat, upacara memotong pusat, bercukur dan bersunat.

Hanya sedikit sahaja perbesaan dalam aspek kelahiran ini iaitu; bila seseorang ibu itu selamat bersalin dan di waktu "dalam pantang selama 40 hari", mereka akan mengambil seorang pengasuh bayi dari orang luar dengan bayaran gaji. Ini berbesa dengan orang Melayu, dimana anak itu selalunya dijaga oleh wanita berumur dari keluarga si ibu atau sibapa. Walau bagaimanapun, keadaan ini telah berubah kerana perubahan zaman serta pengaruh pendidikan terutama bagi masyarakat di bandar-bandar.

#### 4.3.3 Kematian:

Aspek ini seratus peratusnya adalah menerima integrasi yang sepenuhnya mengikut budaya Melayu. Ianya jadi begitu kerana Islam merupakan asas utama proses integrasi itu berlaku. Setiap soal-soal

kematian adalah merujuk kepada umama Islam. Cara pengkbumian dilakukan seperti orang Melayu juga dan bukan lagi membakar mayat seperti di dalam aiat Hindu. Tidak ada pantang larang yang khusus di dalam upacara kematian ini.

Tetapi, satu aspek yang menggelikan hati tetapi serius pernah berlaku bagi orang "India Muslim" di Pulau Pinang ini ialah satu peristiwa dimana mayat seorang "India Muslim" telah ditanam di kubur orang-orang Kristian semata-mata kerana ciri fizikal orang ini yang tidak diduga sebagai orang "India Muslim". Setelah disiasat barulah digali semula mayat itu dan dikebumikan di perkuburan Islam. Dari sini jelas menunjukkan bagaimana Islam menjadi pencermin kedudukan seseorang "India Muslim" di dalam masyarakat seluruhnya.

#### **4.3.4 Pakaian:**

Oleh kerana masyarakat "India Muslim" yang dikaji ini tinggal di pinggiran bandaraya Pulau Pinang; maka tidak hairanlah dilihat aliran pakaian mereka adalah mengikut cara barat, tetapi masih melambangkan ketimuran. Ini, adalah sesuai dengan prinsip keugamaan yang telah disosialisasikan kepada mereka sejak kecil-kecil lagi. Keseluruhannya, didapati cara pakaian mereka baik kaum lelaki maupun wanita adalah mengikut cara Melayu yang telah dimodenkan.

Di dalam aspek pakaian ini dapat dibezakan kepada dua corak mengikut pembahagian umur masyarakat ini. Corak yang pertama ialah; bagi golongan tua dimana silelakinya lebih suka memakai kain putih yang

dijahitkan, terutama sekali bila berada di rumah. Tetapi, oleh kerana perbezaan zaman, mereka sekarang ini telah menukar kepada kain sarung "kain palikat" ataupun berseluar dengan kemeja bila di luar rumah. Manakala golongan tua wanita pula adalah berpakaian cara Melayu iaitu baju kurung kedah disamping baju kebaya dengan kain batik. Pakaian saree masih juga dianugerahkan tetapi hanya pada fungsi-fungsi tertentu seperti majlis kenduri kahwin ataupun ketika menziarahi teman-teman yang sebaya dengan mereka.

Golongan kedua pula ialah bagi jenarasi muda dimana silsilah yang telah full-assimilated kepada cara Melayu. Ini tidaklah bernasksu kepada "pakaian Melayu bersamping" itu, tetapi adalah lebih kepada aliran barat iaitu seluar panjang dengan kemeja. Namun begitu, kerana tempat ini merupakan tempat yang mulah menerima fahaman barat maka tidak hairanlah didapati soal pakaian ini juga turut ke faham barat yang kelihatan rugged dan groovy. Dikalangan gadi-snya pula mereka lebih suka memakai pakaian yang ringkas tetapi bersopan seperti kain kembang, baju kurung, baju kebaya, seluar panjang dan lain-lain yang tidak melanggar ketertiban timur. Saree dipakai hanya ketika menonton wayang atau bersiar-siar dengan golongan tua.

Di dalam beribadat pula, pihak lelaki sering memakai kain sarung dan di bahagian kepala pula dililitkan dengan saputangan. Kalau adapun songkok yang dipakai oleh mereka, ini amatlah berbeza sekali dengan songkok yang kebiasaannya digunakan oleh orang-orang Melayu. Songkok mereka tadi digelarkan sebagai tarbus. Seterusnya aspek ini menimbulkan satu persoalan iaitu siapa integrasi kepada siapa? Maksudnya, siakah

"India Muslim" telah diintegrasi kepada cara berpakaian orang Melayu? atau sebaliknya? Ini adalah kerana jika dilihat dari kain pelikat tadi jelas pada kita bahawa ia berasal dari India jadi semestinya lah dikatakan bahawa orang Melayu telah diintegrasi cara pakaian sarung ini sejak zaman kedatangan orang-orang India ke Nusantara. Dan, akibat dari itu jelaslah bahawa pakaian sarung itu diterima dari cara India dan bukannya dari cara orang Melayu.

#### 4.3.5 Makanan:

Sebagaimana dengan pakaian begitu jugalah dengan makanan dimana segala-galanya telah mengikut corak orang Melayu. Mereka juga memakan nasi dan gulai tetapi di sini lebih diutamakan "kari". Ini adalah satu kegemaran semulajadi kerana tanpa kari maka makanan itu dianggap tidak sempurna, dan kari ini selalunya pedas kerana bahan rempahnya terlalu banyak bahan-bahan seperti belacan, santan dan limau yang merupakan perencah utama masakan orang Melayu juga digunakan.

Berbeza dengan orang Melayu, kaum ibu masyarakat ini tidak membiasakan diri mereka membuat juadah-juadah tertentu untuk sarapan pagi atau petang. Mereka lebih suka membeli roti dari membuatnya sendiri. Manakala di waktu tengahari, kalang-kadang mereka menukar makanan dari nasi kepada roti canai ataupun capati. Ini seringnya dibuat pada hari minggu (Ahad) kerana di waktu itu ahli-ahli keluarga berkumpul beraramai di rumah.

Pada waktu-waktu perayaan seperti hari raya misalnya, mereka

tidak membuat ketupat dan rendang sebagaimana yang dibuat oleh masyarakat Melayu, tetapi lebih suka kepada masakan nasi minyak atau nasi tomato. Dan pada waktu kenduri kendara pula sekiranya dihidangkan dengan masakan nasi minyak serta gulai khorma.

Diantara nama-nama jenis masakan mereka ialah marku, pakoda, pupadom, parpu, puttumayum, tose, kutu, roti canai, apom, capati, roti perata, nasi kandar, rason (kuah pedas). Dari bunyi nama-nama masakan itu, jelas kepada kita bahawa ianya berasal dari perkataan Hindu. Di sini dapat disimpulkan bahawa walaupun mereka telah menerima integrasi sepenuhnya kepada corak masakan Melayu, namun ada sebahagian dari masakan tradisi Hindu yang masih dianalkan oleh mereka.

Dan, satu aspek yang universal tentang masyarakat "India Muslim" ini terutama sekali bagi kaum wanita yang telah berumur ialah memakan sireh dengan pinang. Ini adalah satu kebudayaan Hindu yang bukan saja masih terdapat dikalangan "India Muslim" tetapi juga dikalangan wanita-wanita tua Melayu.

Sebagai kesimpulan, analisa unsur-unsur budaya "India Muslim" ini penulis suka untuk menekankan beberapa aspek umum, bahawa keseluruhan mereka ini mewarisi adat Melayu; tetapi bila melihat adat Melayu itu, jelas kepada kita ianya pula adalah mewarisi kebudayaan Hindu. Jadi, dengan sendirinya dapat ditegaskan bahawa "India Muslim" ini masih mewarisi adat Hindu disamping mengamalkan adat Melayu yang benar-benar berteraskan kebudayaan Islam.

Keadaan ini jelas dilihat dalam perundangan Melayu, dimana adat Melayu itu lebih berat kepada kebutayaan Hindu. Contohnya, di dalam bidang perkahwinan dan perceraian, pewarisan harta, masalah penjagaan dan juga anak angkat (adoption). Dalam perkahwinan, jelas didapati adat bersanding dan berhini yang tidak dibenarkan oleh ugama Islam. Tetapi, akibat dari peresapan budaya Hindu tadi, tanpa kedua-dua aspek ini maka perkahwinan itu dianggap tidak sempurna. Anggapan seperti ini juga terdapat dikalangan "India Muslim", jadi tidak hairanlah jika satu-satu upacara perkahwinan itu mereka sanggup berhabis-habisan semata-mata untuk menunjukkan kemewahan dan kesanggupan mereka.

Dari segi idea pemikiran pula, jelas bahawa pengaruh Hindu ini masih kuat diamalkan baik oleh orang Melayu maupun oleh "India Muslim". Contohnya, idea meramalkan nasib baik dan buruk (good and bad fortune) seseorang itu yang berdasarkan kepada hari kelahirannya (lucky or unlucky days of birth). Seseorang bayi itu selalunya akan diberikan nama yang kedua sekiranya nama pertama tika dilahirkan itu didapati tidak sesuai (not flourishing under the first name), selalunya ini diberi nama tujuh hari selepas dilahirkan. Selain dari itu, timbul pula konsep percaya kepada semangat (seakan-akan dengan konsep "mana" yang diamalkan oleh orang Polynesia) dan juga keramat. Di dalam Islam, seseorang umat itu mestilah percaya hanya kepada Tuhan (Allah) dan Nabi Muhammad S.A.W. tetapi akibat dari pengaruh Hindu, mereka ini telah mulai percaya dan menyembah keramat-keramat tertentu seperti keramat Puteri Gunung Ledang di Pulau Langkawi dan lain-lain.

Menurut Charles F. Gallagher:

"Hindu influence is most marked in those ceremonies dealing with life crises; the birth mark put on the newborn child, the marriage throne, as well as such extraneous items as the distillation of love potions, also worthy of note is the Mandi Safar, [literally, "bathing in (the month of) Safar"] - modification of Indian river-bathing rituals which has become a propitious day for undergoing water purification at the beaches on the last Wednesday of the (6) supposedly unlucky second lunar month of Safar".

Ringkasnya, unsur-unsur budaya "India Muslim" ini adalah berlandaskan kepada dua corak iaitu; yang pertama ialah budaya Melayu yang mewarisi kebudayaan Hindu, dan yang kedua ialah budaya Melayu yang mewarisi kebudayaan Islam. Walau bagaimanapun kedua-dua ini tetap diamalkan oleh masyarakat ini kerana mereka berdasarkan kepada sejauhmana unsur-unsur adat dan budaya itu dapat berfungsi dalam seluruh aktiviti kehidupan mereka sehari-hari.

Analisis terhadap dalam bidang motif "India Muslim" diketahui berasal dari beberapa faktor, secara baik dan sejurus. Ia berpunca daripada integrasi ciri-ciri masyarakat, yang merupakan hasil berpaduan pengaruh dan pengaruh antara golongan minoriti untuk mencapai maklumat dalam aktiviti golongan majoriti, atau sebaliknya bagi ketepian dan disiplin. Pihak-pihak "India Muslim", mereka

---

(6) Charles F. Gallagher: Contemporary Islam: A Frontier of Communism Aspects of Islam in Malaysia,  
menunjukkan bahawa ada peranan penting dalam kebiasaan yang ada. Itulah yang dikenali sebagai "India Muslim" di kalangan "India Muslim" itu.

Kelak salihot dari berbagai sumber diantaranya oleh Halle

### Bab 5

Duisheim (1858 - 1937); bukan pernah ada integrasi itu telah ber-

### Penutup

Tujuan kerana selalu perasaan (sense of attachment); ketika hadrah

dilangsungkan merupakan itu tidak berharap bahwa teknik dan seni dengan

Dalam bab ini akan diterangkan beberapa faktor-faktor utama yang membawa kepada integrasi-assimilasi itu. Dan, sejauhmana faktor-faktor ini benar-benar berjaya mengujudkan integrasi-assimilasi "India-Muslim" dalam aspek sosial, budaya, ekonomi, politik dan ugama masyarakat Nelayu. Kemungkinan terdapatnya unsur-unsur "disintegrasi" juga akan dibincangkan. Disamping itu; pembuktian haiyotesis-haiyotesis serta kaitan tiori-tiori yang telah didefinisikan dalam Bab 2 dengan proses integrasi-assimilasi masyarakat "India Muslim" ini akan dirumuskan secara keseluruhannya.

#### 5.1 Sejauhmana Assimilasi-Integrasi Itu Telah Dicapai;

Assimilasi-integrasi dalam bidang sosial "India Muslim" didapati keseluruhannya diterima secara baik dan sempurna. Ini bersetujuan dengan tiori integrasi oleh Schermerhorn, yang menegaskan bahawa berpanca dari penyertaan dan kerjasama diantara golongan minoriti untuk mencapai matlamat dalam aktiviti golongan majoriti, akan menggalakkan lagi integrasi itu dijalankan. Dikalangan "India Muslim", mereka sentiasa hidup dalam interaksi yang baik dimana mereka saling kunjung-mengunjungi diantara satu sama lain. Ini tidak dikira dari bangsa apapun seseorang itu selagi ia tinggal dalam kawasan yang sama. Di sini, timbul "fahan kekitaan" di kalangan "India Muslim" itu.

Kalau dilihat dari konsep Mechanical Solidarity oleh Emile Durkheim (1858 - 1917); bahawa perpaduan dan integrasi itu boleh berlaku kerana adanya persamaan (solidarity of resemblance); iaitu keadaan dimana anggota masyarakat itu tidak banyak berbeza antara satu dengan lain. Konsep ini kalau dirujuk kepada masyarakat "India Muslim" di tempat kajian adalah benar, kerana ujungnya face-to-face relationship di kampung itu. Hubungan yang mesra sering berlaku di tempat-tempat awam seperti pasar, tempat hiburan, pusat membeli-belah, dan juga di tempat amal ibadat seperti surau dan mesjid. Disamping itu, mereka sering menziarahi diantara satu sama lain terutama sekali jika terdapat perayaan atau januan seperti kenduri perkahwinan, hari lahir, dan lain-lain. Di pertemuan-pertemuan seperti inilah mereka merasakan yang diri mereka itu sama seperti orang Melayu, sama dari segi ugama dan kepercayaan, sama dari segi pekerjaan dan status keluarga, sama dari segi ugama dan kepercayaan, sama dari segi pekerjaan dan status keluarga, sama dari segi aktiviti sehari-hari dan sama dari segi bahasa. Cuma yang berbeza ialah dari segi fizikal mereka yang mudah dikenali sebagai typical "India Muslim". Akibat persamaan inilah, integrasi itu mudah dilaksanakan dan terbentuklah Mechanical Solidarity seperti kata Durkheim tadi.

Di segi budaya pula, assimilasi-integrasi ini dilihat dari segi adat resam perkahwinan, kelahiran, kematian, pemakaian dan pemakanan. Boleh dikatakan keseluruhan dari nilai-nilai adat resam ini telahpun menerima assimilasi-integrasi sepenuhnya mengikut budaya Melayu. Tetapi, bagi penulis, timbul satu persoalan; siapa integrasi kedalam budaya siapa? Ini adalah kerana pada keseluruhan budaya Melayu sebenarnya

merupakan "warisan" atau "sadoran" dari budaya Hindu. Buktinya, dapat dilihat dalam budaya Melayu seperti adat bersanding, berhinai, menindik telinga, melenggang perut bagi ibu-ibu yang mengandung sulung dan lain-lain. Aktiviti budaya ini adalah sadoran dari budaya Hindu yang pernah menapak di Nusantara sebelum kedatangan Islam. Jadi, jelas di sini bahawa "India Muslim" mengintegrasikan budaya Melayu yang telahpun diintegrasikan dari budaya Hindu.

Sungguhpun begitu, tidak dinafikan memang terdapat budaya Melayu berunsur Islam yang telah diassimilasi dan diintegrasikan oleh "India Muslim" ini. Diantaranya ialah adat bersunat, berkhatem Quran, sistem perwarisan harta dan pengambilan anak angkat serta upacara pengkebumian mayat. Kesemuanya ini dengan mudah diterima oleh "India Muslim" kerana Islam merupakan ugama kesatuan dan pendorong utama untuk mereka menyesuaikan diri dengan budaya Melayu.

Assimilasi-integrasi budaya Melayu ini boleh diterima oleh "India Muslim" dengan mudahnya kerana terdapat beberapa ciri-ciri umum yang menggalakkannya. Ciri-ciri ini seperti pertembungan komuniti "India Muslim" sebagai golongan minoriti yang lemah kedalam komuniti Melayu sebagai golongan majoriti yang kuat. Justru itu, yang lemah akan dipengaruhi oleh yang kuat. Proses penerimaan itu pula berlaku secara berlanjutan di dalam satu kawasan yang sama. Ini bersetujuan dengan ciri kesamaan (peoplehood) antara sesama anggota masyarakat di tempat itu tanpa menilai etnik. Interaksi dua pihak ini pada mulanya bercorak hubungan asas tetapi lama kelamaan menjadi satu hal yang meliputi seluruh

aktiviti sosio-budaya mereka.

Dalam bidang ekonomi pula, integrasi ini tidaklah begitu ketara sangat; kerana satu aspek umum tentang masyarakat "India Muslim" ini ialah suka pada perniagaan, sedangkan masyarakat Melayu tidak begitu menggemari lapangan perniagaan ini. Berpunca dari tujuan kedatangan nenek moyang mereka dulu untuk berdagang di Asia Tenggara ini, maka itu lah perniagaan dianggap sebagai satu matapencarian utama; baik cara kecil-kecilan atau besar-besaran bagi yang telah established. Perniagaan mereka ini meliputi semua aspek dari penjual roti, pekedai runcit, pekedai makanan, pakaian dan lain-lain lagi yang seringnya memberikan keuntungan yang agak lumayan bagi mereka; kerana kecekapan mereka dalam aspek ini.

Namun begitu, bagi jenerasi muda sekarang ini, mereka telah diberi hak-hak yang sama dengan orang Melayu untuk mengisi peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan ataupun swasta. Justru itulah sekarang ini, didapati ramai diantara "India Muslim" ini yang telahpun bekerja dengan kerajaan sebagai peguam, pentadbir, guru-guru, akauntan, kerani dan lain-lain disamping dengan pihak swasta terutama di kilang-kilang dan syarikat perkapalan sebagai buruh. Peluang pekerjaan yang sama rata ini menunjukkan kesedaran kerajaan mengiktiraf mereka sebagai rakyat di negara ini. Dan, dengan adanya pengiktirafan mereka sebagai rakyat ini dengan sendirinya telah menggalakkan "India Muslim" ini untuk terus berintegrasi sebagai orang Melayu sejati.

Dari segi politik, integrasi diujudkan dari aktiviti mereka

kedalam badan-badan politik tanahair dan juga dalam pilihanraya. Mereka ini diberi hak untuk mengundi dan menceburkan diri dalam parti-parti politik seperti dalam parti UMNO, MIC , GERAKAN dan lain-lain. Di dalam badan-badan politik ini mereka dibenarkan menjawat jawatan-jawatan tertentu. Dari parti-parti inilah maka integrasi itu sering berlaku kerana melalui kegiatan politik mereka boleh mempelajari nilai-nilai pentadbiran orang Melayu; terutamanya jika mereka bergiat di dalam parti UMNO yang sememangnya merupakan satu pertubuhan untuk orang Melayu sahaja. Kebenaran untuk mengundi menimbulkan "satu perasaan" bahawa mereka adalah rakyat yang sah di negara ini; justru itulah mereka sering memperkenalkan diri mereka sebagai orang Melayu.

Namun begitu, mereka juga berusaha untuk menubuhkan satu parti politik yang mewakili suara mereka tersendiri. Satu masa dulu, berpusat di bandaraya Kuala Lumpur telah terbentuk PERMIN (Persatuan Masyarakat "India Muslim") yang merupakan gabungan dari persatuan yang bercorak ke-daerahan di negara ini. Dan, pada tanggal 24hb. Oktober 1976, satu parti "India Muslim" bercorak politik telah berjaya ditubuhkan iaitu; KINMA (Kongres India Muslim Malaysia). Matlamat utama mereka ialah untuk memperjuangkan nasib masyarakat keturunan "India Muslim" di negara ini. Mereka berhasrat untuk menyertai Barisan Nasional bila pendaftarannya diluluskan kelak. KINMA yang ditubuhkan di Wilayah Persekutuan ini dipengerusikan oleh Encik Badrul Zaman dan Encik Sikkander Batcha sebagai timbalan pengurus, dan mempunyai sepuluh tujuan utama.<sup>(1)</sup>

---

(1) Rujuk dalam potongan akhbar Berita Harian, tanggal 25 Oktober 1976.

Di dalam pelaksanaan assimilasi-integrasi ini, faktor yang paling bertanggungjawab ujudnya integrasi itu ialah ugama. Di sini, didapati "India Muslim" dan orang Melayu sama-sama berugama Islam dan dari mazhab yang sama iaitu Mazhab Shafie' (kecuali bagi "India Muslim" di Kuala Lumpur yang bermazhab Hanafi dan Hambali). Ugama Islam menggalakkan umatnya saling berbaik-baik diantara satu sama lain dan hidup dalam perpaduan tanpa mengira keturunan dan darjah bangsa seseorang itu. Justru itulah "India Muslim" ini senang sekali berintegrasi kedalam budaya Melayu yang sealiran ugama dengan mereka.

Selain dari ugama, keadaan penempatan mereka juga, boleh dipertanggungjawabkan di dalam perlaksanaan integrasi ini. Oleh kerana mereka tinggal sekelompok dengan masyarakat Melayu maka dengan sendirinya mereka sering berinteraksi dengan orang-orang Melayu di tempat itu. Dari interaksi ini, mereka akan mengetahui, mempelajari dan seterusnya menerima beberapa nilai-nilai budaya Melayu yang dirasakan bersetujuan dengan aktiviti kehidupan mereka sehari-hari. Ini jelas dibuktikan dari pendapat Philip Mason dimana terdapat tiga peringkat integrasi sesuatu tempat itu iaitu; absorption, assimilation dan acceptance<sup>(2)</sup>.

Sealiran dengan faktor penempatan ini, bahasa dan pendidikan juga boleh menggalakkan lagi integrasi India Muslim ini selain dari faktor ugama. Majoriti dari "India Muslim" ini bertutur dengan bahasa Melayu loghat utara selain dari bahasa Inggeris. Amat sedikit sekali

(2) Ini telah diuraikan dalam Bab 2 terdahulu.

yang pintar berbahasa ibunda mereka iaitu bahasa Tamil. Terdapat juga jenerasi tua yang bertutur dalam bahasa Tamil, itupun sesama mereka sahaja, sedangkan bagi jenerasi muda langsung tidak ada yang mengerti dengan bahasa ibunda mereka ini. Keadaan ini menggalakkan integrasi mereka kedalam budaya Melayu melalui aktiviti-aktiviti sehari-hari dan komunikasi yang sering timbul dalam perhubungan di pejabat, rumah atau lain-lain tempat. Namakala pelajaran dan didikan pula bersetujuan dengan "Dasar Pelajaran Kebangsaan" yang diamalkan oleh Kerajaan. Malaysia sebagai negara berbilang bangsa telah menganalisa dasar pelajaran yang bertujuan untuk menguji integrasi. Dengan ini bahasa Malaysia telah menjadi sebagai bahasa pengantar yang tunggal di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Oleh kerana itulah, anggota-anggota masyarakat "India Muslim" ini telah menggalakkan anak-anak mereka bersekolah Melayu disamping sekolah Inggeris dan sedikit sekali untuk sekolah Tamil.

### 5.2 Unsur-Unsur Disintegrasi:

Unsur-unsur disintegrasi umumnya tidak banyak terdapat di dalam masyarakat ini. Ini adalah kerana mereka pada dasarnya telah menerima integrasi-assimilasi sepenuhnya dan mengiktiraf diri mereka sebagai seorang Melayu di negara ini. Tetapi, satu hal yang boleh dikatakan masalah untuk integrasi ini berkembang ialah tentang pengiktirafan kersyatan (legal status). Ini berlaku dikalangan jenerasi muda yang menjadi mangsa dari kelalaian dan sifat tidak bertanggungjawab bapa-bapa mereka. Keadaan ini berlaku bilamana bapa mereka dahulunya telah

datang berniaga di Tanah Melayu ini, menetap dan berkahwin dengan wanita Melayu tempatan, dan kemudiannya meninggalkan anak dan isteri mereka di sini tanpa sara hidup. Jadi, setelah anak-anak mereka itu dewasa, mereka ini, menjadi serba salah. Mereka tidak diberi "kerakyatan India" sebab mereka dilahirkan dan dibesarkan di sini. Begitu juga mereka tidak diberi "kerakyatan Malaysia" kerana bapa mereka bukan warganegara ini.

Selain dari mendapatkan kerakyatan ini, tidak timbul masalah lain di dalam proses integrasi tadi. Cuma, terdapat sedikit masalah kecil yang merupakan masalah sesama mereka sendiri seperti jurang jenarasi, keruntuhan moral anak-anak muda, perkembangan "kebudayaan kuning" dan lain-lain yang seringnya merunsingkan golongan tuan tentang telatah anak-anak muda ini. Masalah ini pada umumnya tidak menghalang integrasi assimilasi kerana ianya juga terdapat dikalangan masyarakat Melayu; dimana soal-soal ini lebih dianggap sebagai penyalit masyarakat.

### 5.3 Kaitan dengan Konsep dan Tiori:

Sebagai kesimpulan dalam menentukan sejauh mana masyarakat "India Muslim" ini telah diassimilasi dan integrasi dengan nilai-nilai sosio-budaya Melayu dapat dirujuk kembali pada tiori dan konsep yang telah diutarakan dalam Bab 2. Masyarakat "India Muslim" di tempat kajian adalah sepenuhnya menerima assimilasi-integrasi itu. Kalau dilihat pada konsep Philip Mason, ketiga-tiga proses integrasi iaitu absorption, assimilation dan acceptance telah dilakukan oleh masyarakat ini dalam usaha mereka untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu di perken-

pungan itu. Dan, keadaan ini bersesuaian dengan teori Schermerhorn yang mengatakan faktor "penglibatan" dan "kerjasama" diantara anggota-anggota golongan minoriti boleh menggalakkan pencapaian matlamat bersama-pur dengan golongan majoriti. Untuk menentukan corak perkembangan masyarakat ini pula sengikut konsep Michael Banton adalah bersesuaian sekali dengan corek perhubungan yang keenam iaitu "Perhubungan Integrasi" dimana anggota-anggota masyarakat yang berinteraksi tidak memperdulikan perbezaan ethnik tetapi ia masih digunakan sebagai social-sign. Namakala peringkat-peringkat assimilasi menurut Milton Gordon kesemuanya terdapat di dalam penerimaan assimilasi "India Muslim" ini. Iaitu; assimilasi kebudayaan atau perlakuan, Assimilasi Struktur, Assimilasi Perkahwinan, Assimilasi Identifikasi, Assimilasi Penerimaan Sikap, Assimilasi Penerimaan Pelakuan dan Assimilasi Civic. Ketujuh-tujuh assimilasi ini<sup>(3)</sup> berlaku secara berperingkat dan saling kait mengait diantara satu dengan lain dalam penerimaan assimilasi-integrasi masyarakat "India Muslim" ini.

#### **5.4 Rumusan Hipotesis:**

Seterusnya di dalam bahagian ini, hipotesis-hipotesis yang telah dikemukakan akan dibuktikan. Hipotesis pertama; yang mengatakan kebudayaan material adalah lebih mudah diassimilasikan dan kebudayaan bukan material adalah tidak benar. Menurut penulis, di dalam masyarakat "India Muslim" ini, mereka lebih cepat terpengaruh dengan nilai-nilai

---

(3) Sila rujuk keterangan mengenainya dalam Bab 2 ms. 20 - 21.

ugama Islam iaitu satu kebudayaan bukan material. Kebudayaan material timbul kemuliannya selepas mereka menerima ugama Islam; itupun kebudayaan Melayu yang disadarkan dari kebudayaan Hindu. Tegasnya, kebudayaan material dan bukan material ini boleh diterima serentak atau sealiran.

Hipotesis kedua pula didapati tidak benar juga. Hipotesis yang mengatakan bahawa integrasi itu boleh berlaku kerana adanya persamaan faham politik, peluang ekonomi, status sosial dan proses sosialisasi yang sama adalah tidak tepat. Buktinya ialah: Masyarakat "India Muslim" lebih suka pada pekerjaan sendiri; berbeza dengan masyarakat Melayu yang suka pada pekerjaan bertani; jika di kampung dan bekerja dengan kerajaan bagi yang berkebolehan. Jadi, peluang ekonomi mereka ini tidak sama dengan orang Melayu, namun begitu oleh kerana penempatan mereka yang sama, maka integrasi itu terus diujulkannya walaupun dari berlainan ethnik.

Bagi hipotesis ketiga pula yang mengatakan bahawa ugama merupakan faktor yang paling bertanggungjawab dalam integrasi assimilasi ini adalah bersesuaian sekali untuk masyarakat "India Muslim" ini. Di sini, Islam merupakan faktor integrasi "India Muslim" yang paling berkesan sekali. Namun begitu, jika dirujuk kepada masyarakat India-Chitty di Melaka; didapati mereka ini telah sepenuhnya integrasi kedalam budaya Melayu, tetapi masih kekal dengan ugena Hindu. Tegasnya, faktor ugama ini hanya boleh dipertanggungjawabkan dalam proses assimilasi-integrasi masyarakat "India Muslim" sahaja.

Hipotesis keempat sememangnya tepat untuk masyarakat "India

"Muslim" ini. Didapati golongan "India Muslim" yang merupakan golongan pendatang yang minoriti amat senang sekali berintegrasi kedalam budaya masyarakat Melayu yang merupakan golongan majoriti (dominant) tempatan. Keadaan ini dapat dijelaskan kerana, golongan minoriti "India Muslim" ini sedar bahawa mereka menumpang di negara ini. Justru itu mereka mestilah berusaha untuk menyesuaikan diri mereka dengan budaya masyarakat tempatan iaitu Melayu. Oleh kerana diantara budaya masyarakat Melayu itu mempunyai persamaan dengan budaya asal mereka iaitu Hindu maka penerimaan budaya Melayu itu senang sekali dilaksanakan.

Hipotesis kelima agak sukar untuk dibuktikan kerana ia merupakan perbesaan pandangan diantara pandangan "India Muslim" dengan pandangan Melayu. Bagi pandangan "India Muslim", mereka mengiktiraf bahawa "masuk Melayu" itu sama dengan "masuk Islam" kerana mereka menerima sepenuhnya nilai-nilai budaya material dan bukan material Melayu. Tetapi, bagi pandangan Melayu, "masuk Melayu" dan "masuk Islam" itu adalah berbesa; ini kerana seseorang yang menerima Islam itu tidak semestinya orang Melayu sebaliknya ia masih mengamalkan nilai-nilai budaya mereka yang lama. Tetapi, bagi "India Muslim" di tempat kajian ini, keseluruhannya dapatlah ditegaskan bahawa mereka ini boleh dikatakan orang Melayu juga kerana budaya Melayu telahpun sepenuhnya diterima oleh mereka.

Jadi dapatlah disimpulkan bahawa terdapat tiga kategori utama masyarakat "India Muslim" di negara Malaysia ini. Pertamanya ialah golongan yang ingin meresap (assimilate) kedalam masyarakat Melayu. Mereka ini biasanya terdiri dari golongan 'Jawi Peranakan' dimana ibunya

adalah orang Melayu dan bapanya "India Muslim"; justru itu ciri-ciri tubuh mereka lebih menyerupai orang Melayu. Cara sosialisasi mereka adalah sama seperti orang Melayu, oleh kerana itu mereka begitu mudah berintegrasi dengan kehidupan masyarakat Melayu. Ini ditambah lagi dengan adanya sambutan baik dari pemerintah dalam memenuhi keinginan mereka ini melalui peluang-peluang ekonomi, pelajaran, politik, sosial yang sama terdapat dikalangan orang Melayu.

Golongan kedua pula ialah golongan yang ingin mengekalkan identiti atau keperibadian mereka sebagai golongan India. Bagi mereka, faktor etnik lebih penting dari faktor agama. Justru itu mereka lebih senang dipanggil sebagai "Darah Keturunan Keling" (DKK) sedangkan bagi golongan pertama tadi lebih senang dipanggil "India Muslim" atau "Jawi Peranakan". Golongan ini lebih giat di dalam pertubuhan yang dimonopoli oleh kaum India seperti MIC (Malayan Indian Congress) daripada mengikuti parti UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) jika di dalam politik,

Aldahir sekali, yang merupakan golongan majoriti, ialah mereka yang berada diantara dua golongan di atas tadi (in-group). Mereka ini sebenarnya terdiri dari jenerasi muda iaitu yang dilahirkan di negara ini tetapi tidak diberi taraf kewarganegaraan (legal status). Hal ini berpunca dari kelalaian bapa-bapa mereka yang setelah berkahwin di sini dan beranak pinak, lantas kembali semula ke India dengan meninggalkan keturunannya di sini dalam keadaan seba salah kerana tidak diberi kerakyatan. Walaupun bagaimanapun keadaan seperti ini telah beransur-ansur berubah kerana pemerintah sedar bahawa mereka ini patut juga diberi kerakyatan. Bukti ini jelas terdapat di dalam kajian pengenalan jenerasi

# Parti Dari India

ini yang bukannya bertulis bangsa "India Muslim" atau "Jawi Peranakan" lagi, tetapi bangsa Malaysia. Identiti seperti ini merupakan satu perkembangan baru dalam usaha kerajaan untuk membina satu masyarakat Malaysia, tanpa dibezakan lagi sebagai Melayu, China ataupun India. Kewarganegaraan memang patut diberikan kepada mereka ini kerana mereka telah mengikuti cara hidup seperti orang Melayu malah bertutur dalam bahasa Melayu juga. Dari ini jelaslah kepada kita bahawa konsep integrasi dan assimilasi itu telah sepenuhnya diterima oleh masyarakat "India Muslim" ini kedalam aliran budaya Melayu.

yang dihadiri oleh kira-kira 200 orang masyarakat India Muslim di sesi-

langgar. Beliau akan meletakkan jawapan dan keluar

um dalam sebuah buku. Sekali selesai bertemu, ia akan dilanjutkan dengan diskusi soal India Muslim, sejauh mereka mendapat taeduh sebagai rakyat Malaysia.

Mengimbangi perpaduan Islam dan kebhinekaan masyarakat India Muslim, utamanya yang beragama Hindu dan agama kepercayaan kaum lain di negara ini.

• Mendekakkan pengangguran pekerja, menyeri runcangan pengangguran bantuan dan perumahan, anjurkan lahan-lahan kawaduan pertanian, menyediakan tenaga kerja, meningkatkan bahagian dalam Persekutuan Malaysia serta rawatan diri dalam pembangunan negara.

• Mendapatkan pemungutan suara yang adil bagi seluruh pengjuang negara.

## Didikan

• Memperbaiki kanak-kanak India Muslim mendapat didikan agama serta pemberi contoh baik estetikal dan moral.

• Mengimbasikan lahan ramai bala India Muslim menggunakan bahagian dalam sejiranan dengan peruntukan merdeka dan merdeka warisan negara yang berdaulat, buat dan pada hari pada undang-undang.

• Memperbaiki kepentingan kepentingan dan hak-hak yang selalu untuk India Muslim di negara ini.

Menyuarat pagi ini mengambil ketepatan sejawat Kongres India Muslim Malaysia akan menyertai Hariang Nasional 1951 pada akhirnya dilaksanakan bersama-sama dengan perpaduan masyarakat dan masyarakat India Muslim Malaysia di

# Parti baru India Muslim (KIMMA) muncul

Banta Hanian.

13min; 25.Okt.1966.

M/S. 5.

ENCIK SIKKANDER



KUALA LUMPUR, Ahad.—

SEBUAH parti baru 'Kongres India Muslim Malaysia' (KIMMA) telah ditubuhkan di sini, hari ini. Matlamat utama; memperjuangkan nasib masyarakat keturunan India Muslim di negara ini.

Parti tersebut dipelopori oleh golongan muda setengah mereka ahli MIC keturunan India Muslim.

Penubuhan (KIMMA) dibuat dalam mesyuarat yang dihadiri oleh kira-kira 200 orang masyarakat India Muslim di seki-

tar Wilayah Persekutuan.

Mesyuarat itu membentuk sebuah Jawatankuasa Penaja diketuai oleh Encik Badrul Zaman selaku Presiden. Timbalannya, Encik Sikkander Batcha. 12 orang ahli jawatankuasa kerja juga dilantik.

Encik Badrul, 29 tahun Naib Pengurus MIC Cawangan Jalan Pekeling, merangkap ahli Majlis Belia MIC Selangor.

Beliau akan meletakkan jawatan dan keluar

dari parti itu esok. Ham-pir 150 orang mendaftarkan diri menjadi ahli (KIMMA) pagi tadi.

Encik Badrul menjelaskan, keanggotaan (KIMMA) terbuka untuk masyarakat India Muslim di Malaysia dan mempunyai sepuluh tujuan utama:

- Untuk menyatukan masyarakat India Muslim dalam sebuah parti politik berunsurkan Islam serta memelihara persefahaman, perpaduan mengikut kehendak Rukun Negara.

ENCIK BADRUL

- Untuk memberikan panduan-panduan yang benar kepada masyarakat India Muslim dan membolehkan mereka mempunyai minat terhadap negeri ini.

- Menunjukkan ketia-setiaan mereka yang padu serta menganggap Malaysia sebagai negara ibundanya sendiri.

## Ketaat setiaan

- Bertindak mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh India Muslim supaya mereka mendapat faedah sebagai rakyat Malaysia.

- Menggembing perpaduan Islam dan berusaha menggalakkan India Muslim hidup yang harmoni dengan keterunan-keturunan lain di negara ini.

- Mendapatkan peluang-peluang pekerjaan, menyertai rancangan-rancangan tanah dan perumahan, untuk kemudahan-kemudahan perniagaan, menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam Rancangan Malaysia Ketiga serta rancangan lainnya dalam pembangunan negara.

- Mendapatkan peluang-peluang yang lebih baik dibidang pengajian tinggi.

## Didikan

- Mempastikan kanak-kanak India Muslim mendapat didikan agama serta memberi contoh baik sebagai seorang Muslim.

- Menggalakkan lebih ramai belia India Muslim mengambil bahagian dalam kegiatan kesiaran dan belia untuk membentuk mereka menjadi warganegara yang berideasi, taat dan patuh kepada undang-undang.

- Mempertahankan kepentingan-kepentingan dan hak-hak yang sah untuk India Muslim di negara ini.

Mesyuarat pagi ini mengambil ketetapan, bahawa Kongres India Muslim Malaysia akan menyertai Barisan Nasional bila pendatarannya diluluskan kelak. Berusaha mendapatkan kerakyatan bagi masyarakat India Muslim. Mesyuarat itu juga mengalu-alukan seluruh India Muslim di negara ini menjadi ahli (KIMMA).

BIBLIOGRAFI

1. Arasarathnam, S., Indians in Malaysia and Singapore, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970.
2. Cameron, J., Our tropical Possessions in Malayan Indian, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
3. Coedes, The Indianized States of South East Asia, University Press, Kuala Lumpur, 1968.
4. Emerson, R., Malaysia; Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1964.
5. Fatimi, S.Q., Islam Comes to Malaysia, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., Malaya Publishing House Ltd., Singapore, 1963.
6. Gordon, Wilton, Assimilation in American Life, Oxford University Press, New York, 1964.
7. Jackson, R.H., Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786 - 1920. Historical monograph, Government Press, Federation of Malaya, 1961.
8. Johnson, H.M., Sociology, a Systematic Introduction, Allied Publisher Private Ltd., 1967.
9. Kurokawa, Minako, Minority Responses, Random House, New York, 1970.
10. Mahajoni, Usha, The Role of Indian Minorities in Burma and Malaysia, Bombay, 1960.
11. Michael Banton, Race Relation, Tavistock Publication, London, 1970.
12. Netto, G., Indians in Malaya; Historical Facts and Figures, Singapore, 1962.
13. Newman, J., Race, Migration and Integration, Cahill and Co. Ltd., 1968.
14. Park, R.E., Race and Culture.
15. Sandhu, Kernal Singh, Indians in Malaya. Some Aspects of Their Immigration and Settlement, 1786 - 1957. Cambridge, 1969.

16. Schermerhorn, R.A., Comparative Ethnic Relation; A Framework of theory and research, Random House, New York, 1970.
17. Tonnies, F., Man in Contemporary Society, Columbia University Press, U.S.A., 1969.
18. Whitley, Paul, Golden Khersonese, University of Malaya Press, 1961.
19. Rolf, Origins of Malay Nationalism.
20. Penang Development Corporation. A Guide to investment in Penang, 4th. Edition, July 1973.
21. Encyclopedia of Social Science, David L. Sills, Vol. 1, New York 1970. ms. 483.

Sirau pentingan dan  
giring bahulu dan  
batuk bahulu  
batuk pentingan

Tujuh  
Tujuh  
Atas

Appendix 'A'

Daftar Terminologi

Perkataan Melayu

: Perkataan "India Muslim"

emak	ma (Anna)
bapa	pa (Appea)
emak saudara	caci
bapa saudara	caca
kakak	aci
abang	nana
jiran perempuan tua	mummy
jiran lelaki tua	mamak
Datuk lelaki	Tata
Datuk perempuan	Ata

Appendix 'B'

Daftar 'Hybrid Words'

buku	ugama
singa	puasa
mangga	harta
buah pala	pesaka
gembira	pasu
masa	bijakt
semi	dosa
denda	kari
Diraja	roti